Jilid IV
Bil. 42



Hari Rabu
9hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid IV
Bil. 42

Hari Rabu
9hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6925]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 6958]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 6958]

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M., D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

,, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

,, Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

,, Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

,, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

,, Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

,, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N (Raub).

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim–Bandar Baharu).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

" Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

" TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

„ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

„ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

„ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

„ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai).

,, Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah).

,, Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani).

,, Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh (Jelebu).

,, Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu).

,, Tuan Haji Ishak bin Arshad (Kangar).

,, Dato' Dr Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis, d.i.m.p. (Rompin).

,, Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu).

,, Tuan James Jimbun anak Pungga, p.b.s. (Kapit).

,, Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau).

,, Tuan Kang Chow Oh (Kluang).

,, Tuan R. Karpal Singh (Jelutong).

,, Tuan Kerk Kim Hock (Pasir Pinji).

,, Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya).

,, Tuan Lai Lung Tzee (Sandakan).

,, Tuan Lau Dak Kee (Ipoh).

,, Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu).

,, Tuan Liew Ah Kim (Seputeh).

,, Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka).

,, Tuan Lim Hock Seng (Bagan).

,, Tuan Lim Kit Siang (Tanjong).

,, Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai).

,, Datin Ling Chooi Sieng (Lumut).

,, Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabak Bernam).

,, Datuk Maidom P. Pansai (Kota Belud).

,, Tuan Michael Asang, b.s.k. (Jambongan).

,, Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya (Bukit Mas).

,, Dato' Haji Mohamad bin Abdullah, d.i.m.p., p.j.k. (Maran).

,, Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri).

,, Tuan Mohamed Kamal bin Hussain (Lembah Pantai).

,, Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru).

,, Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, d.s.d.k., k.m.n. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

„ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

„ TUAN RADIN MALLEH (Padas).

„ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

„ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

„ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

„ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

Yang Berhormat DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

„ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

„ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

„ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

„ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

„ TUAN WONG WING ON (Kampar).

„ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

„ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

„ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Alî, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 9hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RUMAH URUT DI IBU KOTA — PELESENAN DAN PENGAWASAN

1. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) jumlah rumah urut di Ibu Kota hingga sekarang;

(b) dari jumlah tersebut berapakah yang berlesen;

(c) apakah syarat-syarat yang dikenakan terhadap pengeluaran lesen di rumah urut tersebut; dan

(d) sejauh manakah kawalan dan pengawasan dibuat bagi menentukan kedudukan rumah urut tersebut tidak disalahgunakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Jumlah rumah urut yang ada dalam rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Ibu Kota sekarang ialah sebanyak 45 buah.

(b) 42 buah rumah urut tersebut adalah berlesen sementara, terdapat 3 buah rumah urut yang beroperasi secara haram iaitu tanpa lesen. Adalah menjadi dasar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membanteras kegiatan rumah urut tanpa lesen ini yang pada suatu ketika adalah sebanyak 7 buah. Tindakan-tindakan penguatkuasaan telah dijalankan dengan kerjasama pihak polis dan tindakan ini telah mengurangkan bilangan rumah urut tanpa lesen di Kuala Lumpur. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan mahkamah sedang diambil untuk memastikan ketiga-tiga rumah urut tanpa lesen itu memberhentikan perniagaan mereka.

(c) Di antara syarat-syarat yang dikenakan terhadap pengeluaran lesen rumah urut adalah seperti berikut:

(i) premis hendaklah digunakan untuk tujuan urut-mengurut sahaja. Kegiatan maksiat dan perjudian dilarang sama sekali;

(ii) kegiatan urut-mengurut dijalankan di tempat terbuka (open concept) tanpa berbilik-bilik;

(iii) semasa menjalankan tugas kesemua pekerja dikehendaki memakai pakaian seragam dan tanda nama;

(iv) kesemua nama pekerja dan pengurus hendaklah didaftar di dalam buku pendaftaran dan berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mereka juga dikehendaki menjalankan pemeriksaan kesihatan setahun sekali. Orang-orang beragama Islam dilarang memasuki rumah urut atau menerima rawatan dari pengurut-pengurut;

(v) menjaga premis dalam keadaan bersih dan memastikan keperluan Jabatan Bomba dipenuhi. Sekiranya pelesen melanggar syarat-syarat yang dinyatakan, tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut kesalahan yang dilakukan termasuk mendenda pelesen dengan cara merampas wang cagaran mereka.

(d) Bagi memastikan rumah urut tersebut tidak disalahgunakan pemeriksaan mengejut dilakukan dari masa ke semasa oleh kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga pihak polis. Sekiranya pelesen didapati melakukan kesalahan, surat-surat tunjuk sebab akan dikeluarkan dan seterusnya akan diberi surat amaran atau tindakan merampas wang cagaran.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meminda Undang-undang Kecil Rumah Urut iaitu dengan memperkenalkan konsep terbuka di mana kegiatan urut-mengurut tidak lagi dijalankan di dalam bilik-bilik kecil. Di bawah konsep terbuka ini kemudahan-kemudahan gimnasium, sauna, mandi wap dan lain-lain turut disediakan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak begitu banyak lesen yang dikeluarkan secara sah oleh DBKL — sampai hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kata 45. Berapakah yang telah ditarik balik oleh DBKL oleh kerana melanggar syarat yang ditetapkan dalam menjalankan kegiatan rumah urut ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pernah rumah-rumah urut dalam Bandaraya Kuala Lumpur didakwa ke mahkamah mengenai kesalahan maksiat atau berhubung dengan seks ataupun serupa ini.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dua rumah urut sejak tahun 1992 dan 1994 ini telah dibawa ke mahkamah kerana melanggar syarat dan kedua-duanya telah ditarik balik lesennya. Sedangkan yang dikenakan tindakan kompaun dari tahun-tahun berikut ialah 12 buah.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya membuat soalan tambahan. Apakah maksud urut terbuka dan urut tertutup. Dan bagaimanakah yardstick, dengan izin, hendak mengetahui mereka ini mengurut terbuka atau tertutup dan apakah jenis pakaian mereka pakai?

Soalan kedua, adakah pihak kerajaan mencadangkan supaya urut syari'e according to Islamic law, dengan izin digunakan?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa beberapa tahun yang lalu memang terdapat konsep tertutup ini iaitu yang mempunyai bilik-bilik kecil yang mana tertutup daripada orang lain. Tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun meminda Akta Rumah Urut ini dengan mengadakan open concept di mana ia tidak mempunyai bilik terbuka. Jadi, maksudnya antara orang-orang yang mendapat khidmat urut ini boleh melihat di antara satu sama lain.

Bagi jawapan kedua, ingin saya tegaskan bahawa tukang urut Islam tidak ada dan orang Islam dilarang memasuki rumah-rumah urut ini.

(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan Ahmad bin Nor tidak hadir)

(Soalan No. 3 — Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar tidak hadir)

SEKOLAH MENENGAH BEBAS CINA — BANTUAN MODAL

4. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memperuntukkan geran modal kepada Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina. Jika ya, berapa banyakkah untuk seluruh negara dan Sarawak masing-masingnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengeluarkan bantuan kepada Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina dari masa ke semasa. Bantuan tersebut dikeluarkan berdasarkan kepada keutamaan projek pembangunan yang akan dijalankan serta adanya permohonan rasmi daripada sekolah berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin dijelaskan bahawa Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina ini tidak terletak di bawah urusan dan pengendalian Kementerian Pendidikan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah benar kerajaan telah memberi modal pembangunan atau bantuan kepada Sekolah Menengah Bebas Cina di negeri Sabah. Jika benar, adakah kerajaan merancang untuk memberi bantuan yang sama kepada sekolah tersebut di lain-lain negeri di seluruh negara kita?

Kedua, bolehkah kerajaan memberi tax reduction facility, dengan izin, kepada penderma-penderma yang menderma wang pembangunan atau pengurusan kepada Sekolah Menengah Bebas Cina?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan di awal tadi bantuan pernah diberikan dari masa ke semasa tetapi saya tidak ada angka yang tepat untuk apa yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat tadi kerana ianya tidak ada di dalam rekod Kementerian Pendidikan.

Kedua ialah soalan mengenai pelepasan cukai, ini boleh dipertimbangkan menerusi Kementerian Kewangan mengenai "per case basis".

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah kerajaan menganggap adalah mustahak kerajaan membuat satu pengumuman yang pokok mengenai peruntukan kepada Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina oleh kerana baru-baru ini dalam pilihan raya Sabah kerajaan telah menjamin akan memberi RM30 juta kepada Sekolah-sekolah Bebas Cina di Sabah tetapi pada tiap-tiap kali di Semenanjung, kerajaan kata ini tidak munasabah kerana

bertentangan dengan Dasar Pendidikan Malaysia. Juga, sebelum pilihan raya pihak MCA selalu kata adalah munasabah untuk membina lebih daripada . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat!

Dr. Kua Kia Soong: Ya. Adakah Kementerian Pendidikan menganggap penting untuk membuat satu pengumuman yang pokok dan bukan untuk tujuan memancing undi sahaja.

Kedua, memandangkan bahawa selepas merdeka 1957, Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina adalah dalam sistem pendidikan kebangsaan dan memandangkan bahawa baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri telah menegaskan bahawa "Wo men dou xhi yi jia ren" (kita semua adalah sekeluarga), adakah kerajaan sebelum pilihan raya akan datang akan membuat satu pengumuman yang pokok mengenai dasar ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama saya telah jawab dalam jawapan asal saya tadi dan soalan yang lain itu tidak berbangkit dengan soalan ini. *(Ketawa)*

PENEROKA FELDA — JUMLAH HUTANG

5. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapakah jumlah hutang yang masih perlu dibayar balik oleh semua peneroka FELDA pada masa ini. Berapakah jumlah hutang asal yang sebenar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bayaran yang masih perlu dijelaskan oleh semua peneroka FELDA ialah RM1.3 bilion termasuk faedah. Jumlah asal bayaran kembali ialah RM3 bilion.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat sedar bahawa para peneroka terpaksa membuat kerja-kerja sambilan untuk menampung hidup mereka kerana pendapatan tidak cukup setelah ditolak hutang. Jika sedar, apakah rancangan yang akan diambil oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk jangka masa panjang dan jangka pendek untuk membantu mereka?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kenyataan bahawa pendapatan peneroka ada masanya tinggi dan ada masanya rendah mengikut harga komoditi keluaran mereka. Jika harga kepala sawit dan harga getah menurun maka pendapatan peneroka memanglah menurun dan sebaliknya.

Walau bagaimanapun, FELDA telah memberi pengakuan kepada setiap peneroka bahawa jika sekiranya pendapatan mereka rendah daripada RM400 sebulan FELDA tidak akan membuat apa-apa potongan bayaran balik. Patut juga kita fahamkan bahawa hasil daripada 10 ekar kebun sama ada kelapa sawit atau getah kalau diusahakan dengan betul mengikut peraturan yang ditetapkan, memang boleh memberi hasil yang lebih daripada RM400 sebulan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah berhubung dengan bayaran kembali, peneroka-peneroka ini kadang-kadang tidak mengetahui berapakah jumlah yang harus mereka bayar kepada pihak FELDA secara keseluruhannya. Yang mereka tahu ialah dalam laporan 'pay-sheet' mereka dipotong.

Kedua, adakah kerajaan berhasrat, oleh kerana Group Settlement Act 1960 (Akta Penempatan Berkelompok 1960),

sebahagian besar daripada peruntukan dalam Akta tersebut hanya memberi keuntungan kepada FELDA dan tidak kepada peneroka. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula Akta ini untuk memberi satu keadilan yang lebih kepada pihak peneroka dalam menandatangani perjanjian dengan pihak FELDA?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap peneroka diberi secara detail bayaran kembali yang dipotong oleh pihak FELDA tiap-tiap bulan. Jika sekiranya kira-kira terakhir jumlah hutang peneroka itu belum dapat dipastikan dengan beberapa sebab, umpamanya luas tanah terperinci belum sempurna diukur lagi maka satu jumlah yang dianggarkan dipotong daripada pendapatan peneroka itu dan satu pembetulan yang terperinci dan terkemas kini diberikan kepada peneroka itu sesudah semua jumlah hutang yang patut dibayar balik oleh peneroka itu diketahui. Saya yakin bahawa kes yang disebut ataupun yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas ini ialah yang mana jumlah hutang peneroka itu belum dapat dikemaskinikan kerana mungkin ada kerja-kerja mengukur tanah yang belum selesai disediakan.

Berkenaan dengan GSA, saya rasa ia terkeluar daripada soalan tajuk.

PROJEK RUMAH KOS RENDAH — JUMLAH PERUNTUKAN

6. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) jumlah keperluan (permintaan) untuk rumah kos rendah (low cost housing) setiap negeri di seluruh Malaysia pada tahun 1993–1994;

(b) jumlah peruntukan yang diberi kepada negeri masing-masing daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek rumah kos rendah dan kedudukan pelbagai projek yang berkenaan dan juga masalah perlaksanaannya;

(c) sokongan daripada bank-bank perdagangan di Malaysia terhadap projek rumah kos rendah; dan

(d) keadaan ataupun kedudukan secara spesifik mengenai perlaksanaan projek rumah kos rendah di negeri Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah sasaran pembinaan rumah perumahan kos rendah bagi seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak 343,800 unit. Jumlah ini mengambil kira keperluan perumahan kos rendah bagi tempoh lima tahun di bawah rancangan tersebut. Sasaran ini tidak dipecahkan mengikut tahun memandangkan bahawa projek-projek perumahan mengambil masa di antara 18 hingga 24 bulan ataupun adakalanya sehingga 36 bulan untuk disiapkan. Adalah lebih sesuai untuk mengira keperluan/sasaran bagi tempoh lima tahun selaras dengan tempoh Rancangan Lima Tahun. Keperluan rumah kos rendah mengikut negeri bagi tempoh tahun 1991–1995 adalah dianggarkan seperti berikut:

Negeri	*Keperluan Rumah Kos Rendah (Unit)*
Johor	61,758
Kedah	53,047
Kelantan	11,449
Melaka	6,692
Negeri Sembilan	21,480
Pahang	36,706

Negeri	*Keperluan Rumah Kos Rendah (Unit)*
Perak	42,600
Perlis	2,925
Pulau Pinang	17,208
Selangor	53,253
Terengganu	9,749
Wilayah Persekutuan	16,397
Sabah	5,949
Sarawak	4,587
JUMLAH:	343,800

(b) Jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan bagi semua negeri sehingga bulan September 1994 di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah adalah sebanyak RM728.4 juta.

Pada keseluruhannya projek-projek di bawah Tabung Perumahan Rakyat Termiskin yang berjumlah RM600 juta yang bertujuan membina rumah-rumah pangsa untuk disewa kepada golongan miskin dan tabung RM500 juta untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah oleh pihak swasta dengan pinjaman mudah dengan kadar faedah nominal 2% sahaja kepada pemaju swasta adalah berjalan dengan baik.

(c) Bank-bank perdagangan sentiasa memberi sokongan yang padu terhadap projek rumah kos rendah. Bank-bank tersebut terus menyediakan sebahagian besar pinjaman kredit untuk pembiayaan akhir (end financing) bagi pembeli-pembeli rumah dan pembiayaan sambungan (bridging finance) kepada pemaju-pemaju swasta.

(d) Pada keseluruhannya kedudukan dan keadaan mengenai pelaksanaan projek rumah kos rendah di negeri Sabah dan Sarawak adalah memuaskan. Di Sabah, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM93.935 juta bagi membiayai projek-projek rumah kos rendah, manakala sebanyak RM80.801 juta telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak. Program-program pelaksanaan tersebut sedang berjalan dengan lancar.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerja melaksanakan projek perumahan kos rendah di Sabah dan Sarawak adalah memuaskan. Bolehkah saya tahu angka dari segi bilangan unit rumah kos rendah yang dinyatakan tadi untuk Sabah dan Sarawak iaitu 5,000 dan 4,500 unit masing-masing di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia ini, berapakah unit telah dibina. Yang saya minta ialah peratusan prestasi pelaksanaan ini, ini satu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan keduanya ialah terhadap pelaksanaan projek perumahan kos rendah. Di kawasan Bandar Kuching ada satu tempat namanya Batu Kawa, dan rancangan perumahan tersebut ialah bernama Rancangan Perumahan Rakyat (RPR), dan di fasa 1 RPR terdapat berpuluh-puluh unit rumah kos rendah yang dibina dahulu, sekarang sudah menghadapi masalah kerosakan yang serius; ada tiang yang bengkok, dinding pecah, ceiling hampir nak runtuh. Apakah dasar kerajaan dalam menjaga mutu rumah yang begini bagi mengelakkan masalah seperti curi barang ataupun pekerja oleh pihak kontraktor-kontraktor. Jika pekara ini timbul, apakah dasar kerajaan supaya kerugian yang dialami oleh pembeli-pembeli rumah kos rendah ini — mereka yang sudah membeli rumah ini dengan life saving, dengan izin, supaya kerugian ini mereka boleh dibayar pampasan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah unit rumah dibina untuk negeri Sarawak ialah 2,442 untuk perumahan awam kos rendah, manakala 2,549 unit ialah untuk Skim Pertapakan Khas dan pelaksanaannya berjalan dengan baik.

Mengenai soalan kedua, saya tidak dapat menjawab dengan pasti kerana projek agak terperinci. Saya memohon notis. Mengenai jawapan apa yang boleh dibuat oleh pembeli mengenai kerugian, mereka boleh mengambil tindakan kepada pemaju untuk mendapat kembali kerugian-kerugian.

Tuan George Sangkin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di negeri Sabah, di manakah daerah-daerah yang telah diberi peruntukan untuk membina rumah kos rendah ini? Daerah manakah, saya ingin tahu sahaja.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

K.T.M. — MENINGKAT MUTU PERKHIDMATAN

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) bilakah perkhidmatan kereta api rail berkembar ulang-alik dari Seremban ke Rawang akan bermula dan apakah kadar tambangnya;

(b) sama ada beliau sedar bahawa pada masa sekarang koc kabin tidur di kelas satu KTM tiada peribadi atau 'privacy'. Jika ya, apakah tindakan pembetulan sedang diambil supaya penumpang yang bayar tambang yang agak tinggi itu dapat menikmati layanan yang berpatutan;

(c) adakah beliau sedar bahawa kualiti makanan dan minuman yang dijual dalam kereta api KTM makin merosot dan harganya tidak murah. Jika ya, apakah langkah sedang diambil untuk memperbaikinya; dan

(d) peratusan ketibaan ikut jadual masa di semua stesen yang akhir dalam semua perjalanan KTM pada tahun ini (bulan Januari hingga bulan September). Apakah tindakan sedang diambil untuk memastikan kelewatan ketibaan yang sering berlaku itu dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Perkhidmatan Keretapi Rail Komuter ulang-alik di antara Rawang ke Seremban dijangka akan bermula pada awal tahun 1996. Kadar tambangnya pada masa ini sedang dirangka. Oleh yang demikian, ianya belum dapat ditentukan lagi.

(b) Koc Kabin yang ada sekarang ialah jenis Kelas Satu berhawa dingin dan untuk dua orang penumpang. Adalah benar jika penumpang membuat perjalanan berseorangan, maka ia tidak mempunyai privacy, dengan izin, kerana ada penumpang lain berkongsi kabin. Walau bagaimanapun, KTMB membenarkan penginapan berseorangan atau single occupancy, dengan izin, sekiranya penumpang memohon dan sanggup membayar tambang bagi sebuah kabin itu.

(c) Adalah tidak benar kualiti makanan dan minuman yang dijual dalam kereta api semakin merosot dan mahal. KTMB sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti makanan dan minuman di atas tren dengan harga yang berpatutan. Bagi menjamin mutu dan kualiti, KTMB telah menubuhkan anak syarikatnya sendiri untuk menguruskan khidmat sajian makanan atas kereta api dan mengutamakan aspek-aspek mutu perkhidmatan kepada pelanggan. KTMB juga dari masa ke semasa menjalankan kajian soal selidik indeks kepuasan penumpang ke atas perkhidmatan sajian makanan untuk mengetahui prestasi khidmat tersebut.

(d) Purata peratusan ketibaan tren penumpang mengikut jadual di semua stesen akhir bagi bulan Januari hingga September, 1994 adalah seperti berikut:

Bulan	*Purata Peratusan (%)*
Januari	52.06
Februari	50.54
Mac	36.67
April	55.93
Mei	55.13
Jun	39.81
Julai	34.61
Ogos	37.24
September	55.11

Tindakan yang diambil untuk mengurangkan kelewatan tren adalah:

(a) Menentukan tren berlepas pada waktu-waktu yang ditetapkan mengikut jadual di stesen-stesen permulaan seperti Kuala Lumpur, Butterworth, Singapura, Gemas, Kuala Lipis dan Tumpat.

(b) Menaikkan kelajuan tren sebanyak 5% di kawasan-kawasan tertentu di mana keadaan landasannya baik. Misalnya di kawasan kelajuan 80 km. sejam boleh dinaikkan ke 84 km. sejam, dan di kawasan kelajuan 90km. sejam boleh dinaikkan kepada 94 km. sejam.

(c) Mengubah jadual perjalanan tren mengikut keadaan dan kemajuan projek-projek membaik pulih landasan dan landasan berkembar.

(d) Memberitahu kepada stesen-stesen di hadapan melalui telefon kepada Pengelola Tren supaya menyediakan kakitangan secukupnya untuk menurunkan bungkusan/motosikal dan karung mel dengan segera. Ini akan mengurangkan tempoh tren tertahan di stesen.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapa kerajaan tidak bercadang untuk membuat kereta api rel berkembar dengan menggunakan landasan yang lebar, bukan landasan yang begitu sempit di mana walaupun kerajaan selalu menyatakan bahawa kerajaan akan meningkatkan keselesaan penumpang-penumpang kereta api tetapi masih menggunakan landasan rel yang begitu sempit di mana tidak dapat mempertingkatkan keselesaannya?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, yang lebar, yang sempit itu relnya sahaja, kereta apinya sama. Kalau relnya lebar pun dalam kereta api ruangnya begitu juga. *(Disampuk)* Jadi, betullah begitu bukan? Kalau kita rombak, hendak menukar kepada rel yang lebar seluruhnya kita kena cabut semula dan mengganti baru dan kosnya begitu tinggi.

Oleh yang demikian, kita perbaiki landasan, kita tambah lagi satu landasan supaya kekerapannya banyak dan banyak tren boleh lalu-lalang disebabkan ada dua landasan dan apabila landasan itu dibaiki, keadaannya lebih stabil maka tren boleh berjalan lebih laju dan dengan adanya pula 'rolling stock' yang baru maka sudah tentulah kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik, lebih selesa, lebih cepat, lebih selamat, lebih sempurna.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri bersetuju bahawa untuk mencegah perlanggaran bukan sahaja 'double tracking' yang penting, tetapi sistem 'signalling' lebih penting? Baru-baru ini di Indonesia dan Britain telah berlaku dua perlanggaran yang hebat dan kalau Timbalan Menteri menyedarinya adakah beliau bersetuju bahawa syarikat yang diberi kontrak 'signalling' itu ialah Sapura, walaupun ia pakar dalam bidang komunikasi dan telefon tetapi dalam bidang 'signalling' tidak berapa pakar. Dan kalau begitu adakah tender untuk 'signalling' itu sepatutnya diberi melalui tender terbuka?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, adakah Timbalan Menteri bersetuju bahawa dalam Laporan Tahunan KTMB 1993 bukan seorang sahaja tetapi Pengerusi KTMB pun setuju bahawa 'low availability of locomotive' adalah satu masalah yang besar dalam KTMB?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini hendak memerangkap saya, hendak bertanya sama ada saya bersetuju atau tidak bersetuju. Jadi, saya tidak bersetujulah. *(Ketawa)* Itu yang pertama sekali.

Dan hendak kata perlanggaran rasa saya di Malaysia perlanggaran itu tidak pernah terjadi — derailment ada – bukan perlanggaran. Kalau perlanggaran itu dua kereta api bertembung. Dan kita tidak boleh buat dua kereta api bertembung sebab kita hanya ada satu trek sahaja. *(Ketawa)*

Dan dari segi 'signalling' memang kita tahu bahawa 'signalling' itu penting dan itulah sebabnya kita sedang membina peralatan persemboyanan ini. Tender yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi itu memanglah tender terbuka dan syarikat ini telah dipilih melalui tender terbuka. Ahli Yang Berhormat kata tadi kepayahan hendak mendapatkan stok kereta. Memanglah — memang tidak ada di mana-mana di dunia pun siap stok kereta ini sudah ready untuk dibeli 'off the shelves' semuanya melalui tender dan mengikut spesifikasi tertentu atas keperluan tiap-tiap negara. Jadi, memanglah kita kena tender dan kena buat pesanan barulah boleh kita mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

(Soalan No. 8 — Y. B. Tuan Shahidan bin Kassim tidak hadir)

KONTRAKTOR BUMIPUTERA DI SARAWAK — BANTUAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)

9. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, memandangkan kesulitan yang dialami oleh kontraktor-kontraktor bumiputera Sarawak untuk menghubungi pihak

tertentu mengenai permohonan Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK). Dapatkah Jabatan Kewangan Persekutuan Sarawak untuk mengambil alih tanggungjawab tersebut bagi memudahkan pemohon mendaftar di pusat tersebut di Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar dengan kesulitan yang dialami oleh kontraktor-kontraktor di Sarawak khususnya di kalangan kontraktor bumiputera oleh kerana Pusat Khidmat Kontraktor tidak mempunyai cawangan di Sarawak. Bagi mengatasi kesulitan tersebut, pihak kementerian sedang mengkaji cadangan menubuhkan pejabat cawangan di Sarawak.

PEKERJA ASING — PEMERIKSAAN PERUBATAN

10. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh kementeriannya untuk menentukan pekerja-pekerja asing yang benar-benar sihat sebelum dan sedang bekerja di Malaysia, berapa kes penyakit berjangkit dan jenis penyakit dapat dikesan oleh kementeriannya setakat ini. Apakah keberkesanan pekerja asing diperlukan menjalani pemeriksaan kali kedua selepas tiga bulan berada di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan supaya hanya pekerja-pekerja asing yang benar-benar sihat dapat bekerja di Malaysia.

Hanya pekerja-pekerja yang telah pun diperiksa dan didapati sihat oleh satu panel klinik di negara asal pekerja tersebut akan dibenarkan masuk datang bekerja di Malaysia. Bagi tujuan ini, hanya klinik-klinik yang mematuhi standard dan keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia dan yang telah pun diperiksa oleh Jawatankuasa Akreditasi (Accreditation Committee) Kementerian Kesihatan Malaysia akan diberi kebenaran untuk menjalankan urusan pemeriksaan perubatan tersebut.

Walau bagaimanapun, kita masih juga terdapat sedikit leakages ataupun pembocoran pekerja-pekerja yang tidak diperiksa dengan betul masuk ke Malaysia melalui jalan-jalan tertentu. Dengan perkara tersebut, maka berlakulah pertambahan beberapa jenis penyakit yang sudah pun hampir selesai kita hapuskan. Penyakit-penyakit tersebut ialah tibi, Hepatitis B, malaria ada juga penyakit untut, STD termasuk HIV dan beberapa penyakit yang lain yang berjangkit yang disifatkan sebagai, dengan izin, foreign labour base (FLB). Walaupun bilangannya tidak begitu banyak tetapi ini telah pun mendapat perhatian kementerian untuk menentukan bahawa ia dapat dikawal dan tidak berjangkit kepada rakyat Malaysia. Jumlahnya ialah di antara 3%–4% sahaja.

Pekerja-pekerja yang sedia ada di Malaysia diperlukan menjalani pemeriksaan perubatan tahunan semasa pembaharuan pas lawatan mereka. Pekerja-pekerja asing yang datang ke Malaysia lebih daripada tiga bulan dari tarikh pemeriksaan pertama di negara asal mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan sekali lagi di Malaysia semasa mereka datang ke sini.

Langkah ini diambil kerana ada kemungkinan pekerja-pekerja ini boleh dijangkiti dengan penyakit-penyakit yang berjangkit selepas diperiksa oleh doktor-doktor di negara mereka dan sebelum sampai ke Malaysia mungkin terdapat juga 'window period', dengan izin, dalam tempoh yang demikian.

Tempoh tiga bulan ditetapkan untuk mengurangkan kemungkinan ini dan maklumat-maklumat mengenai bilangan kes yang sedia ada tidak dapat membezakan di antara pekerja iaitu pendatang tanpa izin dengan yang datang dengan izin. Golongan pekerja/pendatang asing menyumbangkan di antara 6,116 kes malaria sebagai contoh (15%), 1,368 kes tibi (11%), 324 kes HIV/AIDS (4%) dan 115 kes kusta (30%) dari kes-kes yang telah pun dilaporkan di negara ini pada tahun 1993.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu, apakah cara dapat kita mengesan bahawa pekerja-pekerja asing yang masuk ke dalam negara kita dengan sah ataupun tidak sah melalui saluran-saluran tertentu, apabila mereka mendapat 'kerja permit' dengan satu laporan daripada pegawai-pegawai kesihatan ataupun doktor yang sah mengenai pemeriksaan kesihatan, tetapi tidak dapat diperiksa oleh badan-badan kesihatan kerajaan, sama ada laporan pemeriksaan kesihatan itu sah atau tidak — kerana telah terbaca banyak laporan bahawa hanya RM30 sahaja, satu laporan pemeriksaan kesihatan boleh didapati dengan begitu mudah. Apakah cara kementerian dapat membanteraskan kejadian ini supaya tidak membawa kesan yang buruk kepada negara kita.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan Yang Berhormat ini agak mengelirukan Yang Berhormat sendiri sebab tidak begitu jelas, sebagai contoh Yang Berhormat kata — 'kerja permit' sebenarnya permit kerja — terbalik.

Seperti yang saya katakan tadi, untuk mengurangkan, kita telah pun cuba menentukan bahawa semua pekerja yang datang dari luar negeri diperiksa di negerinya dahulu dan selepas mereka masuk ke sini, jika lebih dari 3 bulan, akan diperiksa sekali lagi, tetapi kalau kurang daripada 3 bulan, memadai.

Kedua, kita cuba juga memberi akreditasi (accreditation) kepada beberapa doktor di luar negeri. Ini adalah satu exercise yang agak sukar dijalankan sebab ada political diplomatic dan juga health issues yang terlibat dalam hal ini. Tidak mungkin saya dapat menerangkan dengan lebih lanjut, tetapi selepas mereka ke sini, kita telah pun berusaha untuk menentukan bahawa ada satu badan penyelaras cadangan daripada kofederasi doktor-doktor telah pun diterima untuk menjadi badan-badan penyelaras di Malaysia dan semua doktor-doktor ataupun panel doktor yang hendak menjalankan pemeriksaan terhadap pekerja asing yang sudah ada di sini, yang tanpa izin, atau berizin, terpaksa melalui badan ini, maksudnya di accredited oleh health panel doctors. Dengan kerana itu berkemungkinan akan kuranglah leakages yang mungkin akan berlaku. Kita mungkin dapat mengurangkan penyakit berjangkit yang datang ke Malaysia. Ini adalah satu fenomena yang kadang-kadang agak bercanggah.

Kemahuan negara memerlukan pekerja asing yang banyak, tetapi sekali gus juga mereka membawa masalah-masalah yang tertentu. Walau bagaimanapun kita kena menghadapi masalah ini melalui cara-cara tertentu yang kita sedang usahakan, akan usahakan dan telah pun diusahakan.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa negara kita memerlukan pekerja asing dan mereka sebelum datang ke Malaysia, perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan. Di negeri Sabah ramai orang asing yang datang secara tidak rasmi — pelarian, maksud saya. Kebanyakan

mereka ini menjalankan perniagaan, misalnya menjual 'chicken wings' secara tidak berlesen dan saya fikir mereka ini tidak ada menjalankan pemeriksaan kesihatan di negara mereka.

Apakah rancangan Kementerian Kesihatan supaya orang-orang seperti ini diperlukan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi memastikan mereka ini sihat, dan kalau tidak sihat supaya mereka menjadi sihat dan tidak menjangkit penyakit yang dibawa dari negara mereka.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ketahui bahawa banyak pekerja-pekerja tanpa izin telah memasuki Sabah yang mempunyai costal line yang terbuka. Saya difahamkan melalui sources tertentu, dengan izin, bahawa sekiranya kita hantar mereka balik melalui Jabatan tertentu, mereka akan datang balik di waktu petang. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah, setakat ini penyakit-penyakit berjangkit di Sabah tidak begitu ketara sangat.

Sukar untuk kita memberi satu program yang tertentu untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja ini dapat di kawal dari segi kesihatan kerana kebanyakan mereka kalau datang dengan izin, kita boleh, tetapi masalah besar ialah yang datang tanpa izin. Kita berharap dengan kerjasama semua jabatan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kesihatan dan sebagainya dapat bekerjasama untuk menentukan kemungkinan pengurangan dalam masalah ini.

Saya tidak berani berjanji untuk menyelesaikan secara muktamad, tetapi pengurangan — insya-Allah.

AMANAH SAHAM NEGERI — PENUBUHAN

11. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) jumlah Amanah Saham Negeri yang telah ditubuhkan di seluruh negara;

(b) berapakah jumlah pemegang saham dan pegangan saham mereka bagi tiap-tiap negeri; dan

(c) berapa peratuskah dividen dan bonus yang tertinggi dibenarkan untuk diberikan kepada pemegang saham.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 7 Tabung Amanah Saham Negeri yang telah ditubuhkan di negara kita, iaitu satu, masing-masing di Pahang, Sarawak, Selangor, Sabah dan Terengganu dan dua di negeri Johor. Ini melibatkan 2.450 bilion unit kesemuanya sekali.

(b) Suruhanjaya Sekuriti mengumpul maklumat mengenai Tabung-tabung Amanah Saham Negeri pada tiap-tiap suku tahun ataupun 3 bulan sekali. Bagi suku tahun yang ketiga, iaitu setakat 30hb. September yang lalu, pemegang saham dan jumlah pegangan tabung berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Pahang — jumlah pemegang ialah 20,065 dan jumlah pegangan saham ialah 141,058,120 unit;

(ii) Tabung Amanah Saham Johor — jumlah pemegang saham ialah 127,911 dan jumlah pegangan saham ialah 267,907,840 unit;

(iii) Tabung Amanah Saham Sarawak — jumlah pemegang saham ialah 74,485 dan jumlah pegangan saham ialah 498,327,470 unit;

(iv) Tabung Amanah Selangor — jumlah pemegang saham ialah 125,800 dan jumlah pegangan saham ialah 500,000,000 unit;

(v) mengenai Tabung Amanah Saham Sabah yang telah dilancar pada 10 Oktober lalu, setakat 8 November, jumlah pemegang saham ialah 20,588 dan jumlah pegangan saham ialah 170,874,630; dan

(vi) bagi Tabung Amanah Darul Iman yang baru lebih seminggu dilancarkan setakat 8 November, jumlah pemegang saham ialah 3,884 dan jumlah pegangan saham ialah 13,473,616 unit.

(c) Mengenai dividen dan bonus bagi pemegang saham pihak Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) tidak mengenakan ketetapan terhadap peratus dividen dan bonus. Terpulanglah kepada Pengurus syarikat masing-masing untuk mengeluarkan bonus dan dividen yang berdasarkan antara lain, ke atas keuntungan amanah-amanah saham tersebut. Sebagai contoh, bagi Amanah Saham Johor, dividen yang diisytiharkan ialah 10 sen seunit pada tarikh pengagihan pada 31 Mei yang lalu dan bagi Amanah Saham Sarawak Bhd. dividen yang diisytiharkan ialah 10.63 sen satu unit pada tarikh agihan iaitu 30 Jun, yang lalu.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu banyak sekali Amanah-amanah Saham Negeri yang telah dilancarkan sejak kebelakangan ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, apakah garis-garis panduan sebelum satu-satu Amanah Saham Negeri itu dapat dibenarkan untuk dilancarkan dan setakat hari ini adakah kerajaan dan kementerian berpuas hati dengan prestasi-prestasi Amanah-amanah Saham Negeri yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, saya difahamkan juga ada negeri-negeri lain yang tidak disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sedang menyusun untuk pelancaran Amanah Saham Negeri masing-masing. Saya ingin tahu berapa buah negeri lagikah yang akan melancarkan Amanah-amanah Saham Negeri dan apakah jaminan kerajaan kepada pemegang-pemegang amanah saham supaya mereka tidak mengalami kerugian seperti jaminan yang telah diberi oleh kerajaan kepada Amanah Saham Nasional pada masa dahulu.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kerajaan ada menerima permohonan daripada dua buah negeri lagi untuk menubuhkan Amanah Saham Negeri iaitu daripada negeri Kedah dan Negeri Sembilan. Permohonan-permohonan ini sedang diproses oleh kerajaan. Antara garis panduan terakhir yang dikeluarkan

oleh kerajaan adalah sebelum Amanah Saham Negeri ini diluluskan, ia perlu mendapat kelulusan dari pihak Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan. Ini antara garis panduannya.

Selain itu, garis panduan lain termasuklah syarikat pengurusan perlu merupakan subsidiari atau anak syarikat institusi kewangan ataupun institusi yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti termasuklah kerajaan-kerajaan negeri, kumpulan modal share holders fundnya tidak kurang RM500 ribu dan ia hendaklah majoriti dipunyai oleh rakyat Malaysia. Ia hendaklah mempunyai kepakaran di segi pengurusannya untuk menguruskan tabung, ini antara kelayakan yang ditetapkan ataupun garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian sebelum sesuatu permohonan itu diluluskan.

Sama ada kerajaan berpuas hati setakat ini, kita berpuas hati dengan perjalanan 7 buah Saham Amanah Negeri ini. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengawasi perjalanan Amanah Saham ini untuk memastikan bahawa kepentingan pemegang-pemegang saham akan sentiasa mendapat perhatian.

Sama ada kita ada beri jaminan, kita tidak ada beri jaminan. Dalam kes Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Nasional memang ada jaminan mengenai dividen dan bonus tetapi bagi Amanah-amanah Saham Negeri tidak ada jaminan yang diberikan, terpulanglah kepada kebijaksanaan pengurusan Amanah-amanah Saham Negeri ini untuk menentukan pulangan yang sewajarnya yang mampu diberikan kepada pemegang-pemegang ini.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini melancarkan satu Tabung Amanah Saham Negeri Selangor bernilai sebanyak RM500 juta dan syarat untuk memohon Amanah Saham ini hanya terbuka kepada bumiputera sahaja. Walaupun negara kita telah merdeka selama 37 tahun, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini sudah berkata kita sama satu keluarga. Tidakkah ini bercanggah dengan polisi kerajaan dan bilakah kementerian Yang Berhormat akan bercadang membuka Amanah Saham kepada orang bukan bumiputera?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya satu Saham Amanah Negeri iaitu di Sabah yang membuka pelaburannya kepada pelabur-pelabur bukan bumiputera iaitu nisbahnya 75:25, kalau tidak silap saya, di mana 25% adalah dibenarkan untuk pelabur-pelabur bukan bumiputera untuk menyertai Amanah Saham ini.

Pada pandangan kerajaan, pada masa ini kita ada 49 Unit Trust kesemuanya di dalam negara kita ini. Satu bilangan yang besar dan 7 yang saya sebutkan tadi adalah kepunyaan kerajaan-kerajaan negeri. Bilangannya 49. Kita dapati bahawa bagi unit-unit amanah yang ditubuhkan oleh pihak-pihak lain termasuk institusi kewangan, peserta-peserta kebanyakannya adalah bukan bumiputera. Oleh hal yang demikian, kita berpendapat ada peluang-peluang yang sewajarnya jika ada bukan bumiputera yang ingin melabur, peluang itu ada walaupun beberapa kerajaan negeri tidak membenarkan penyertaan bukan bumiputera. Pada pandangan kerajaan, bilangan unit-unit amanah atau unit trust yang begitu banyak dalam negara kita yang terbuka penyertaannya kepada semua, ini membolehkan rakyat Malaysia menyertainya. Ada yang berpendapat, angka-angka juga membuktikan bahawa ada di kalangan unit amanah ini yang diuruskan oleh swasta,

kadar pulangan dividennya adalah tinggi. Ada di antaranya yang mencatatkan kadar pulangan yang lebih tinggi. Dengan ringkasnya, peluang terbuka luas bagi seluruh rakyat Malaysia untuk menyertai unit amanah ini walaupun ada kerajaan negeri yang tidak membenarkan penyertaan daripada bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah.

(Soalan No. 12 — Y. B. Datuk Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 13 — Y. B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

PROJEK BRIGED RAKAN MUDA — SAMBUTAN

14. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

(a) berapakah jumlah Briged Muda yang telah ditubuhkan di seluruh negara dan pecahannya mengikut negeri-negeri;

(b) berapakah umur purata ahli-ahli Briged Muda; dan

(c) apakah aktiviti-aktiviti yang sedang dan akan dijalankan serta bagaimanakah sambutan golongan belia terhadapnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan sebanyak 14 Briged Rakan Muda di 14 daerah di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	*Bilangan*
Perlis	1
Kedah	2
Pulau Pinang	1
Perak	2
Selangor	1
Wilayah Persekutuan	2
Negeri Sembilan	1
Melaka	1
Johor	1
Pahang	1
Terengganu	1
Kelantan	1
Sabah	1
Sarawak	1

(b) Ahli-ahli Briged Rakan Muda terdiri dari anak-anak muda Malaysia dari berbagai kaum yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun.

(c) Anggota-anggota Briged Rakan Muda dikehendaki mengikuti dan menjalani 4 kursus teras iaitu Kursus Komponen Bina Negara, Komponen Bina Disiplin, Komponen Bina Kepimpinan dan Komponen Bina Nilai Tambah. Di samping itu juga, para anggota Briged Rakan Muda juga akan mengikuti kursus elektif iaitu kurus kesenian dan kebudayaan, kursus kemasyarakatan, kursus sukan dan kursus rekreasi. Komponen keagamaan akan diterapkan dalam kesemua kursus teras dan elektif.

Menerusi Briged Rakan Muda, adalah diharapkan akan lahir generasi muda yang budiman, berbekal dengan gugusan nilai-nilai warisan bangsa seperti budi, kesetiaan, hormat-menghormati di samping mempunyai daya tahan, daya saing serta tabah mengharungi cabaran negara maju. Pada masa ini, sambutan terhadap Briged Rakan Muda amatlah menggalakkan dan Kementerian kini berusaha ke arah merancang untuk mewujudkan lagi Briged Rakan

Muda di seluruh daerah. Untuk mendapatkan impak keahlian Briged Rakan Muda, kementerian merasakan ia perlu meliputi 10% daripada penduduk berumur antara 18 hingga 30 tahun yang terdiri dari berbagai kaum atau 500,000 ahli.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, oleh sebab Pembangkang selalu membangkitkan kisah "bohsia", "bohjan", "Ipoh mali" . . . . . *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Surat khabar lama.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: "Surat khabar lama", apa semua ini, saya ingin tahu adakah pemuda-pemuda DAP menyertai projek Rakan Muda ini dan soalan yang kedua, adakah mendapat kerjasama daripada parti-parti Pembangkang atau menghasut supaya belia-belia ini tidak menyertai Briged Muda ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Briged Rakan Muda adalah yang merupakan program kerajaan dan ianya telah pun diberikan peruntukan khusus oleh kerajaan. Maka, bukannya program DAP. Walau bagaimanapun, keahliannya terdiri dari berbagai-bagai kaum tanpa mengira fahaman politik. Sementara jawapan kepada soalan tambahan Yang Berhormat yang kedua, setakat ini kita mendapat kerjasama dari berbagai pihak khususnya daripada agensi-agensi kerajaan, swasta dan juga badan-badan sukarela. Daripada parti DAP setakat ini kita belum nampak muka lagi. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan bahawa Briged Rakan Muda bukanlah satu wahana politik mana-mana pihak. Ianya adalah merupakan satu gerakan yang cuba kita lahirkan di kalangan anak-anak muda kita supaya bersama-sama bertanggungjawab untuk membina negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 15 — Y. B. Dr. Tan Seng Giaw tidak hadir)

INDUSTRI RINGAN — PELAN INDUK OLEH DEWAN BANDARAYA

16. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada DBKL mempunyai pelan induk dalam menempatkan kilang-kilang industri ringan bagi memesatkan lagi perusahaan industri ringan. Jika ya, sila nyatakan jumlah kawasan yang ditetapkan dan luas tapak industri ringan ini. Jika tidak, kenapa.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Draf Pelan Pembangunan Industri yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti beberapa kawasan baru yang diperlukan untuk menempatkan semula industri-industri ringan dan tidak mencemarkan. Pelan Pembangunan tersebut disediakan dengan tujuan untuk mengatur dan menentukan jenis pembangunan bagi sesuatu kawasan industri.

Beberapa tapak baru telah dikenal pasti untuk pembangunan industri perkhidmatan dan industri ringan. Pembangunan tersebut dilaksanakan oleh pihak swasta dan juga kerajaan. Antara kawasan yang telah dan sedang dibangunkan adalah seperti berikut:

(i) Kawasan Industri di Batu 6, Kepong Utara.

Kawasan ini mempunyai keluasan 70 ekar dan jumlah unit yang dibangunkan ialah sebanyak 994.

(ii) Kawasan Kampung Pakar, Sungai Besi.

Sejumlah 116 unit telah dibangunkan dan di atas tapak seluas 8.4 ekar.

(iii) Kawasan Bandar Baru, Bandar Tun Razak.

Sebanyak 210 unit telah dibangunkan dan di atas sebahagian dari tapak asal seluas 52 ekar.

(iv) Kawasan Jalan Kuchai Lama.

Seluas 21.45 ekar telah dibangunkan untuk menempatkan 341 unit industri ringan.

(v) Kampung Sentosa, Puchong.

Kawasan seluas 7.56 ekar dan kawasan ini boleh menempatkan 107 unit industri.

(vi) Taman Industri Batu.

Kawasan seluas 52 ekar ini telah dibangunkan sebagai kawasan perindustrian ringan.

(vii) Zaras Development, Batu Muda (Taman Batu).

Telah siap dibina di atas tapak seluas 38 ekar.

Selain daripada tapak-tapak di atas, beberapa tapak tambahan telah dikenal pasti tetapi belum dibangunkan. Sebahagian dari tapak ini adalah disenaraikan seperti berikut:

(i) Perkampungan Industri Salak Selatan seluas 28 ekar;

(ii) Taman Industri di Puchong seluas 72 ekar;

(iii) Perkampungan Industri di Jalan Genting Kelang seluas 29 ekar;

(iv) Lot 4086, Batu $7^1/_2$, Jalan Kepong, seluas 71 ekar;

(v) Kuchai Corporation, seluas 50 ekar; dan

(vi) Sri Keladi seluas 20 ekar.

Keluasan keseluruhan tapak yang sedang dan telah dilaksanakan ialah 217.41 ekar dan keluasan kawasan yang dicadangkan ialah 270 ekar.

Tuan Liew Ah Kim: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Seputeh. Satu soalan sahaja ya.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, adakah kemudahan kewangan diberi kepada pengusaha industri ringan yang tertentu jika mereka memohon kemudahan kewangan?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Kemudahan kewangan sentiasa ada dan mereka bolehlah meminjam dengan bank! *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. *(Ketawa)*

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 8, 12, 13, 15 dan 17 hingga 31 adalah dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". *(8hb. November, 1994)*

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Benut.

3.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberikan peluang untuk berucap sempena dengan pembentangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28 haribulan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat ekonomi yang telah dicapai oleh negara kita pada kadar 8% setahun selama 7 tahun berturut-turut telah membuktikan kejayaan dan kecemerlangan pengurusan ekonomi negara. Namun begitu, saya percaya pencapaian ini kita perolehi bukanlah dengan satu cara yang mudah. Kestabilan politik negara yang telah dicapai melalui kerjasama antara rakyat berbilang kaum dengan dibantu oleh pengurusan ekonomi yang cemerlang dan juga oleh pemimpin-pemimpin negara membolehkan negara kita muncul sebagai salah sebuah negara yang maju ekonominya dan makmur rakyatnya serta berjaya menempatkan diri sebagai sebuah negara perindustrian baru di rantau ini.

Selaras dengan tema Belanjawan 1995, iaitu mengekalkan pertumbuhan dan mengawal inflasi, usaha-usaha perlu diteruskan bagi memastikan pertumbuhan yang kita raih selama ini dapat kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan besar yang dialami oleh iklim politik dan ekonomi dunia ternyata turut mempengaruhi pertumbuhan dan kemantapan ekonomi negara. Dengan termeterainya Perjanjian GATT serta kejatuhan sistem pasaran ekonomi tertutup yang diamalkan oleh negara-negara komunis, diikuti oleh perubahan kepada sistem ekonomi pasaran terbuka oleh puluhan buah negara di dunia menyebabkan negara kita perlu bersaing dengan negara-negara lain di rantau ini kerana pasarannya adalah lebih bersifat kepada keterbukaan.

Pendekatan yang lebih pragmatik dan liberal perlu dilaksanakan bagi memastikan negara mampu bersaing dengan kuasa-kuasa baru ekonomi dunia. Senario baru ekonomi dunia memperlihatkan kemunculan negara China serta lain-lain negara di Asia Pasifik yang semakin giat mempromosikan negara mereka untuk menjadi tumpuan destinasi baru bagi pelaburan asing. Keadaan ini boleh menimbulkan ancaman dan persaingan kepada negara kerana pertumbuhan ekonomi negara banyak dirangsang oleh pelaburan asing. Persoalannya ialah sampai bilakah kita perlu meletakkan pergantungan yang tinggi kepada pelaburan asing?

Saya percaya, di samping kita terus berusaha untuk menggalakkan pelaburan asing untuk mengalir masuk ke negara kita, usaha juga perlu dipergiatkan untuk memastikan agar pelaburan domestik terus berkembang. Pelaburan domestik perlu dibangunkan supaya kita tidak selama-lamanya bergantung kepada pelaburan asing. Galakan perlu diberikan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk menerokai bidang-bidang baru, selaras dengan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan tempatan, terutamanya usahawan bumiputera.

Program-program keusahawanan perlu dirancang dengan lebih teliti bagi membolehkan usahawan-usahawan kita mempunyai daya saing yang lebih bersifat inovatif dan kreatif. Insentif-insentif

baru perlu diwujudkan untuk membolehkan usahawan-usahawan bumiputera dapat memulakan program keusahawanan mereka.

Program Industri Kecil dan Sederhana perlu diperluaskan dan usahawan bumiputera perlu diberikan ruang bagi membolehkan mereka melibatkan diri di dalam bidang ini. Penglibatan usahawan bumiputera dalam industri telekomunikasi, gas, petroleum, tekstil, perkapalan dan sektor elektronik dan juga tenaga perlu diberikan penekanan kerana industri ini amat berpotensi untuk diperkembangkan di masa hadapan.

Program pembangunan vendor perlu diperluaskan kepada usahawan-usahawan bumiputera dan di sini pihak bank dan institusi kewangan perlu terlibat, bukan sahaja di dalam penyediaan modal serta khidmat nasihat, tetapi juga perlu melonggarkan syarat-syarat pemberian pinjaman.

Saya menyambut baik langkah Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah memperkenalkan sistem vendor dan saya percaya kerajaan perlu menggalakkan supaya lebih banyak lagi syarikat-syarikat multinasional untuk membabitkan diri dalam sistem ini.

Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah menubuhkan satu tabung pelaburan domestik yang berjumlah RM1 bilion bagi tujuan untuk menggalakkan pelaburan tempatan dalam industri kecil dan sederhana. Di sini saya percaya sepatutnya bukan angka ataupun jumlah bantuan yang menjadi kebanggaan kita, tetapi apa yang penting ialah jumlah yang benar-benar berjaya disalurkan kepada usahawan-usahawan kita. Sering kali kita mendengar rungutan dari usahawan ataupun juga kenyataan yang mengatakan peruntukan yang disalurkan tidak digunakan. Jadi, jawapan yang kita kehendaki dari persoalan ini kenapakah masalah ini masih banyak berlaku?

Di sini saya berharap dengan jumlah peruntukan yang sebanyak ini, masalah birokrasi yang terdapat dalam prosedur pemberian pinjaman boleh dikurangkan kerana masalah ini sering kali membantutkan minat usahawan untuk melibatkan diri di dalam bidang perindustrian. Saya juga amat berharap agar kerajaan akan mengambil langkah yang lebih berkesan bagi memastikan agar tabung ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan-usahawan khasnya usahawan bumiputera.

Pelaksanaan program keusahawanan seperti yang dilaksanakan oleh pihak PERWAJA di Gurun, Kedah adalah contoh yang terbaik sebagaimana usahawan bumiputera boleh melibatkan diri di dalam bidang industri. Lain-lain perusahaan awam bukan kerajaan seperti Syarikat Telekom Malaysia, TNB dan sebagainya perlu memainkan peranan yang lebih aktif bagi membantu kemunculan usahawan bumiputera sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan mekanisma utama yang dapat mencetuskan minda manusia untuk berfikir. Selaras dengan itu, penekanan perlu diberikan untuk memastikan agar seluruh rakyat Malaysia sekurang-kurangnya mendapat pendidikan asas. Usaha perlu dipergiatkan untuk memastikan agar masalah kemiskinan tidak dijadikan alasan untuk membolehkan seseorang individu tidak mendapat pendidikan terutamanya bagi masyarakat luar bandar. Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan memberikan penekanan terutamanya kepada penyediaan kemudahan keperluan asas meliputi kemudahan bekalan air, elektrik dan sebagainya dan juga jalan raya serta kemudahan persekolahan terutamanya di kawasan luar bandar bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan di dalam bidang pendidikan. Asrama-asrama desa perlu diwujudkan bagi membolehkan pelajar-pelajar miskin di luar bandar didedahkan

kepada persekitaran pendidikan yang lebih sempurna bagi memastikan mereka tidak menghadapi masalah untuk menimba pelajaran.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, berapakah jumlah asrama-asrama desa yang telah diwujudkan di seluruh negara bagi mengatasi masalah ataupun bagi membantu pelajar-pelajar di kawasan luar bandar mendapat kemudahan yang lebih baik. Sehubungan dengan itu kemudahan-kemudahan pendidikan yang lain yang meliputi bilik darjah yang lebih sempurna, guru-guru yang terlatih, kemudahan perpustakaan perlu disediakan bagi memastikan pelajar luar bandar mendapat peluang pendidikan yang setanding dengan pelajar-pelajar di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan juga perlu diberikan di dalam pendidikan yang berasaskan bidang sains dan teknologi. Perubahan yang berlaku dalam struktur guna tenaga buruh memerlukan kemahiran yang tinggi di dalam bidang sains dan teknologi. Selaras dengan itu penekanan perlu diberikan di dalam bidang ini bagi memastikan keperluan terhadap guna tenaga buruh yang berkemahiran tinggi di dalam bidang sains dan teknologi dapat dipenuhi. Penyediaan peluang pendidikan di dalam bidang sains dan teknologi perlu diberikan perhatian oleh kerajaan. Sekolah-sekolah perlu menyediakan tempat-tempat yang mencukupi bagi membolehkan lebih ramai pelajar mendapat tempat bagi melanjutkan pelajaran di dalam bidang ini. Penubuhan lebih banyak sekolah beraliran sains dengan kemudahan pendidikan yang menjuruskan kepada perkembangan minda pelajar kepada inovasi perlu diberikan keutamaan.

Di peringkat universiti pula, kandungan mata pelajaran perlu diubahsuai agar ianya lebih bersifat kepada praktikal. Di samping itu penekanan juga perlu diberikan kepada pendidikan keagamaan dan moral. Penekanan dalam bidang ini perlu diberikan keutamaan memandangkan negara kita menghadapi gejala keruntuhan akhlak di kalangan belia yang membimbangkan. Generasi baru ini perlu diperlengkapkan dengan pengisian ilmu agama dan moral bagi memastikan agar mereka tidak terjerumus di dalam masalah penagihan dadah, perlakuan seks secara bebas serta gejala lepak.

Kementerian Pendidikan perlu bertindak tegas dan merangka program pendidikan yang bukan sahaja dapat melahirkan manusia yang cemerlang di dalam bidang pendidikan tetapi sebagai seorang insan yang lebih sempurna akhlaknya dan bertanggungjawab kepada penciptanya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan agama merupakan teras kepada aspek pembangunan seseorang manusia Islam. Sehubungan dengan itu sumbangan sekolah-sekolah agama di dalam memberikan pendidikan agama kepada pelajar-pelajar Islam di negara ini tidak boleh diperkecilkan begitu sahaja. Cadangan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan sistem persekolahan satu sesi amat membimbangkan. Sekiranya dengan pelaksanaan sistem ini ia akan menjejaskan ataupun menghapuskan sistem sekolah agama yang telah dilaksanakan pada masa sekarang terutamanya di negeri Johor.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya kajian dilakukan untuk membolehkan kurikulum baru sistem persekolahan satu sesi yang bakal diperkenalkan nanti tidak akan menghapuskan sekolah-sekolah agama yang telah sedia ada di negeri Johor, sebaliknya perlu mengambil kira sumbangan sekolah-sekolah agama tersebut. Saya juga ingin mencadangkan supaya model sekolah agama yang sistematik seperti yang dilaksanakan di negeri Johor perlu diperluaskan ke negeri-negeri lain di seluruh negara. Ini bermakna dengan pelaksanaan sistem persekolahan satu sesi nanti, perkembangan serta sumbangan sekolah agama di negeri Johor bukan sahaja dapat dipertahankan malah akan dapat diperluaskan di negeri-negeri lain di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik langkah yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk melancarkan program Rakan Muda yang golongan sasarannya ditumpukan kepada golongan remaja yang bertujuan untuk membentuk golongan remaja yang lebih berdisiplin. Saya percaya langkah ini akan dapat membendung masalah keruntuhan moral di kalangan remaja di samping berusaha dan berupaya untuk melahirkan golongan belia yang lebih bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar perlu diberikan perhatian dalam usaha memastikan wujud pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Kemudahan asas meliputi bekalan air bersih, elektrik dan kemudahan jalan berturap perlu dipertingkatkan bagi memastikan penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan asas setanding dengan penduduk-penduduk di kawasan bandar. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan supaya kerajaan memberi perhatian serta peruntukan yang lebih untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Kawasan Parlimen saya iaitu di Kawasan Parlimen Sungai Benut yang masih banyak lagi terdapat jalan-jalan tanah merah yang perlu diturapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan pembangunan rakyat termiskin perlu diteruskan untuk memastikan tumpuan kepada usaha untuk memastikan golongan termiskin ini bebas dari belenggu kemiskinan dan dapat berkongsi hidup di dalam sebuah negara yang maju, aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mengalami pertumbuhan yang pesat di dalam bidang ekonomi serta mencatatkan pendapatan perkapita melebihi RM8,000 namun keadaan ini tidak akan memberi makna sekiranya berlaku peningkatan yang berterusan di dalam Tingkat Harga Umum Barangan. Walaupun Indeks Harga Pengguna mencatatkan secara purata kadar inflasi 4% setahun yang merupakan keadaan yang normal bagi sebuah ekonomi yang mantap, ini tidak bermakna kita boleh berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya usaha bagi memastikan keadaan inflasi menjadi kepada deflasi bukan satu yang mustahil dan boleh tercapai sekiranya semua pihak meliputi pembekal dan pengguna prihatin kepada masalah ini. Usaha-usaha perlu dipergiatkan lagi bagi membendung masalah inflasi bagi memastikan kepentingan pengguna adalah terpelihara.

Langkah kerajaan untuk menjadikan setengah barangan sebagai barangan kawalan perlu diperluaskan terutamanya bagi barangan makanan dalam usaha memastikan kepentingan pengguna terutamanya kebajikan golongan berpendapatan rendah dapat dipelihara. Saya juga menyambut baik langkah kerajaan untuk memperkenalkan Indeks Harga Pengguna bandar dan luar bandar bagi membolehkan perbandingan harga yang lebih realistik dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut langkah baik kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam semua bidang kegiatan meliputi dalam bidang ekonomi, perundangan, pentadbiran serta bidang pendidikan. Kejayaan kerajaan memperkenalkan sistem kewangan Islam merupakan manifestasi kejayaan kerajaan di dalam pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam. Pelaksanaan sistem kewangan perlu diperkemaskan meliputi di dalam pelbagai bidang kewangan selaras dengan perkembangan pesat ekonomi negara. Saya percaya masih lagi banyak lagi bidang-bidang yang boleh diterokai dalam usaha untuk memastikan penerapan nilai-nilai Islam tidak lagi menjadi momokan bagi setengah-setengah pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, isu alam sekitar merupakan isu yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan persekitaran yang kita diami ini benar-benar sihat dan bebas daripada masalah pencemaran. Bagi memastikan masalah

pencemaran kita dapat dikurangi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menggalakkan penggunaan kenderaan yang menggunakan gas asli, bagi mengatasi masalah pencemaran yang banyak berpunca daripada kenderaan bermotor. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar perlu menguatkuasakan peraturan-peraturan ataupun memperketatkan lebih lagi peraturan-peraturan sebelum meluluskan mana-mana projek yang berisiko tinggi yang mencemarkan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali sewaktu Ucapan Belanjawan dibahaskan, kedengaran suara-suara sumbang daripada pihak Pembangkang yang mempertikaikan tujuan Belanjawan dan yang terbaru sekali ialah tuduhan daripada pihak Pembangkang yang menyatakan bahawa Belanjawan ini merupakan Belanjawan Pilihanraya. Saya percaya Belanjawan ini dirangka dengan hasrat untuk memberikan kesenangan kepada rakyat, bukannya semata-mata untuk memancing undi. Adakah salah sekiranya kita membayar bonus kepada kakitangan kerajaan, sekiranya keadaan ekonomi kita diizinkan? Dan adakah menjadi satu kesalahan kepada kerajaan sekiranya kerajaan menghapuskan duti import kepada lebih daripada 2,600 jenis barangan dengan tujuan untuk mengawal inflasi?

Saya juga percaya, langkah kerajaan menurunkan cukai kepada orang perseorangan yang dilakukan dengan menilai kepada keberkesanan Jabatan Hasil Dalam Negeri di dalam usaha memungut cukai-cukai dan juga cukai yang diperlihatkan dengan peningkatan jumlah kutipan yang meningkat daripada setahun ke setahun. Saya percaya langkah ini akan lebih efektif kerana kerajaan tidak lagi berurusan dengan golongan yang hanya perlu membayar dengan nilai yang rendah tetapi sebaliknya boleh memperuntukkan masa yang lebih untuk memburu pembayar-pembayar cukai yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung, ya.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga rasional dengan penurunan cukai korporat seperti yang saya telah sebutkan tadi, perubahan besar yang dialami oleh ekonomi dunia turut mempengaruhi negara kita. Kita perlu mengambil kira saingan yang terpaksa kita hadapi daripada negara jiran seperti negara Thailand, Singapura, Indonesia, Vietnam dan juga negeri China.

Penurunan cukai korporat yang dilakukan adalah bertujuan supaya kadar cukai lebih kompetitif setanding dengan negara-negara di rantau ini. Hujah ini kita boleh buktikan dengan meninjau masalah defisit imbangan perkhidmatan Malaysia. Jika kita tinjau dalam item imbangan perkhidmatan, masalah defisit ini berlaku kerana pengaliran keluar wang negara yang banyak berpunca daripada pendapatan pelaburan iaitu merangkumi 60% dan kita menjangkakan jumlah hampir RM14 ribu juta pada tahun 1994 daripada jumlah keseluruhan defisit dalam akaun perkhidmatan. Dengan penurunan cukai korporat ini, kita mengharapkan pelabur asing akan melakukan 'reimbursement' dan ini akan menguntungkan negara dari segi jangka panjang.

Buat akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat yang kita capai selama ini tidak akan bermakna kalau sekiranya kita terpaksa mengorbankan maruah dan harga diri semata-mata untuk mengecap nikmat kesenangan.

Peningkatan-peningkatan masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja, penagihan dadah, masalah budaya lepak, penderaan kanak-kanak serta masalah penderaan isteri dan barangkali juga penderaan suami merupakan isu-isu yang perlu kita mempertahankan dan bagi memastikan generasi akan datang tidak hilang pedoman pada masa hadapan dalam aktiviti kehidupan yang lebih mencabar.

Dengan ini, saya menyokong Belanjawan ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong. Yang Berhormat, nampaknya ramai hendak berucap, saya ingat besok saya hendak tetapkan masa sebanyak 15 minit sahajalah. Minta tolong. Kalau tidak, ramai yang tidak boleh berucap. Sila.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Untuk hari ini, 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 20 minit.

3.57 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih. Tuan Speaker, selepas Belanjawan ada dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri kita dalam Dewan yang mulia ini pada 28hb. Oktober, 1994, ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang puji Belanjawan ini sebagai belanjawan menarik dan salah seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ada menyatakan ini jadi satu Belanjawan yang bagus sekali dalam dunia. Tetapi apa yang penting, Tuan Speaker, adalah bukanlah sama ada belanjawan menarik, baik untuk rakyat, tetapi lebih penting lagi dasar-dasar kerajaan yang wujud, yang ada dikekalkan sampai hari ini. Khasnya, Tuan Speaker, apa yang saya nampak adalah ini, bahawa Perdana Menteri dan juga Timbalannya, kedua-duanya, apabila mereka ada dikritik, apa yang terjadi adalah satu suara yang kuat ke atas orang yang buat kritik. Ini sensitivity, dengan izin, Tuan Speaker, bukan baik bagi seorang Perdana Menteri. Oleh kerana, Tuan Speaker, jikalau Perdana Menteri tidak boleh terima satu kritik oleh rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Dewan Rakyat, itu jadi satu tanda yang tidak baik bagi demokrasi dalam negara kita ini.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, mengenai apa yang ada disuarakan oleh Presiden Parti Semangat S. 46, apa yang dinyatakan oleh dia dan ini ada ditunjuk dalam televisyen. Apa yang saya nampak, Tuan Speaker, apa yang ada disuarakan oleh dia adalah criticism, dengan izin, yang boleh diterima. Ada dikatakan oleh ahli-ahli Barisan Nasional, Tuan Speaker, dalam Dewan ini dan juga luar daripada Dewan ini bahawa apa yang dikatakan oleh dia ada mencemarkan nama baik negara kita di negara-negara antarabangsa. Tetapi apa yang perlu, Tuan Speaker, dalam perkara ini, criticisms, dengan izin, walaupun dalam negara atau luar daripada negara jikalau constructive boleh diterima. Harus diterima oleh Barisan Nasional dalam negara kita. Apa yang dikatakan oleh Presiden Semangat 46 adalah, Tuan Speaker, dasar-dasar yang wujud, korupsi yang wujud dalam negara ini adalah benar.

Tuan Speaker, di masa itu beliau menjadi the Finance Minister, Menteri Kewangan dan beliau tahu apa yang terjadi dalam Kabinet dan oleh itu apa yang ada disuarakan oleh beliau dalam Program ABC 'The Four Corners' di Australia, boleh diterima.

Dalam tahun 1987 apabila 'Operasi Lalang' ada dilancarkan, dan selepas apa yang berlaku dalam negara ini dan telah disuarakan oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang di luar daripada negara dan akibat daripada apa yang telah disuarakan di luar negara, akhirnya menjadikan kebebasan bagi semua yang ada ditahan di bawah Operasi Lalang. Bukankah itu satu saluran di mana oleh kerana dalam negara ini pada masa itu dan masa sekarang pun, tidak ada jalan lain, jikalau dalam negara, kita bocor The Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negeri), satu Akta yang haram walaupun telah diluluskan dalam Parlimen. Adakah jalan lain yang boleh digunakan untuk menentukan ada keadilan dalam negara ini?

Mengenai keadilan, saya mengalu-alukan perlantikan Tan Sri Eusof Chin sebagai Ketua Hakim Negara dan juga perlantikan Dato' Anuar Zainal Abidin sebagai Hakim Besar Malaya. Saya harap di masa hadapan kedua-dua Hakim ini boleh memperkuatkan badan perundangan dalam negara kita ini. Tetapi dalam

mana-mana badan tentu ada apa yang dikatakan "black sheep", dan ini pun ada wujud walaupun berkurangan tetapi dalam Badan Kehakiman pun ada ahli-ahli apa yang dikatakan "the black sheep".

Tuan Speaker, tugas seorang hakim adalah untuk menentukan dan saya quote apa yang ada dalam buku *"The English Judge"* by Henry Cecil — The Hamlyn Lectures 22nd Series, page 56 under the chapter: "Public Image of the Judges" as follows:

> "The public puts great trust in our judges and, on the whole, this trust is not abused. But a few judges do occasionally say wounding and hurtful things to or about witnesses, counsel or solicitors and the person concerned usually has no remedy. Such remarks may have a permanent effect upon a man, who may be so upset by the unfair strictures upon him that he proceeds to take it out on the next person available,. . . . . "

Dan juga, Tuan Speaker, jikalau saya boleh diberi keizinan untuk membaca apa yang ada di dalam majalah *MLJ 1981 Vol. I* dengan izin:

In a special lecture of the Law Society of Upper Canada 1979, Mr. Arthur Maloney, Q.C. stated —

> "An independent Bar is obliged to do more than speak out on the issues of the day.

Kenapa itu, " . . . . . more than speak out on the issues of the day?

> In some instances it might be the lawyer's duty to challenge the court itself.
>
> That distinguished lawyer John Diefenbaker had the skill and courage for such work. He relates the story of one of his appearances before the Supreme Court of Canada, when he clearly did not impress one of the members of that Bench.
>
> 'Mr. Diefenbaker', the learned judge said, "in my view, there is no basis for your appeal".
>
> "Well, my Lord", replied Mr. Diefenbaker, with a subtle adjustment to the angle of his lectern, 'there are six other judges'.

Tuan Speaker, ini terjadi dalam negara kita pun. Ada Hakim, walaupun apa yang saya katakan tadi kekurangan, dengan izin, the majority of our judges adalah mature, matang dan boleh diterima sebagai orang-orang yang boleh meluaskan dan enhance the cause of justice.

Apa yang terjadi baru-baru ini khasnya dalam dua kes. Terdahulu daripada itu, Tuan Speaker, saya ingin quote apa yang ada dalam *The Malayan Law Journal 1978 Vol. II.* Ini bukan satu ancaman atau ugutan kepada hakim-hakim dalam negara kita tetapi apa yang ada dalam majalah ini adalah baik untuk hakim-hakim dalam negara kita. Di bawah tajuk *"Criminal contempt by a Judge":*

> "A judge can render himself liable to criminal contempt of Court in various ways. The commonest way in which a Judge can render himself open to this grave criminal charge, is by habitually adopting a discourteous or otherwise rude and insulting behaviour towards an Advocate whilst the latter is pleading a cause".

Ini terjadi baru-baru ini. Saya akan beri contoh selepas ini, Tuan Speaker.

> "Seasoned Advocates or Advocates of status, when rudely or discourteously treated might be taken aback, but not thwarted. A Junior Advocate, habitually illtreated, might even be subjugated by terror. Very few would find the courage to stand up to such a Judge. Self respect is dear to all and to those weaker in spirit, even dearer than their client's case.
>
> In all such cases, a bitter and unpleasant relationship of personal feud builds up between the Judge and the Advocate. Good arguments are lost

in the unpleasantness that follows. The helpless litigant is the silent spectator to it all. He wonders if the has briefed 'the wrong Advocate'. His dreams of obtaining justice evaporate. The faith of all in the administration of justice is severely shaken. The decorum of the Court is destroyed and its dignity sullied. In the circumstances, the writer feels that, nothing prejudices, interferes, or obstructs, the course of judicial proceedings or the administration of Justice, more than the habitually discourteous behaviour of the Judge. The writer submits that such rude and insulting or habitually discourteous behaviour of the Judge results in miscarriage of justice and amounts to criminal contempt of Court within the defined meaning of that expression".

Ini adalah satu extract daripada *"The Unprotected Lawyer"* by Phiroza Anklesaria.

Tuan Speaker, apa yang saya katakan tadi, ada dua contoh. Satu, apa yang ada berlaku baru-baru ini di Temerloh — Kes Mona Fendy. Walaupun .....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat kepada Peraturan 36 (8).

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Jika sekiranya hendak membuat apa-apa expression atau menyentuh tingkah laku seorang hakim, hendaklah diadakan satu usul persendirian. Kalau Yang Berhormat berucap di atas general sahaja boleh. Tetapi sekiranya Yang Berhormat hendak sebut mana-mana hakim, saya ingat tidak boleh di bawah Peraturan 36(8), Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Soal general, Tuan Speaker. Ini kelakuan seorang Hakim. Dalam satu kes juri ..... ah! tak payah, kalau saya tidak diberikan keizinan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menyentuh kes di Temerloh. Tetapi dalam negara kita ada hakim yang apabila seorang peguam bertanyakan soalan sebagai soalan balas —tindak-tanduk hakim itu sehingga seorang peguam masuk ke hospital. Ini terjadi baru-baru ini, Tuan Speaker, oleh kerana tidak boleh tahan dengan kelakuan hakim apabila beliau menanyakan soalan-soalan dalam soalan balas. Adakah itu satu tindak-tanduk seorang hakim yang menguatkan sistem perundangan dalam negara kita? Dalam satu kes yang lain, jikalau saya sebutkan kes itu barangkali itu pun jadi *sub judice* tetapi kes itu sudah selesai di peringkat Mahkamah Tinggi dan apa yang saya difahamkan setakat ini tidak ada apa-apa rayuan yang ada difailkan oleh mana-mana pihak. Bolehkah saya menyentuh kes itu oleh kerana ianya sudah selesai di peringkat yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 36 (8) ialah berkenaan hakim-hakim dan tingkah laku mereka itu, bukan di atas kes itu *sub judice* atau tidak. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat menyentuh seseorang hakim tentulah itu bercanggah dengan 36(8), melainkan Yang Berhormat boleh membawa masuk satu usul bersendirian.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bila sesuatu kes yang sudah diselesaikan dan tidak ada apa-apa rayuan, biasanya ianya boleh di'subjected' to criticism. Ini elementary oleh kerana .....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, Yang Berhormat. Kes telah pun dibenarkan sesiapa mengeluarkan teguran. Akan tetapi yang tidak dibenarkan di bawah 36(8) itu ialah sifat dan tingkah laku seorang hakim.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tingkah laku, Tuan Speaker. Criticism of the judgement.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Itu boleh, *(Disampuk)* tak payah 'keriau' sampai — saya tahu apa yang boleh dibangkitkan di sini. Dalam kes Vincent Tan, sebagaimana apa yang saya katakan tadi, ada kemungkinan satu rayuan akan dibuat oleh kerana tempoh bulan belum lupus lagi setakat ini. Dalam negara kita ini, Tuan Speaker, sehingga hari ini tidak satu kes di mana ganti rugi RM10 juta ada dibuat oleh seorang Hakim. Dalam kes ini tidak ada apa-apa bukti yang ada membuktikan dalam mahkamah melalui saksi-saksi, tetapi Hakim ini ada membuat ganti rugi yang sangat luas. Di negara Singapura, Tuan Speaker, Tuan Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri negara itu ada membuat berapa kes fitnah atas khasnya J.V. Jayaratnam. Ini semua ada dalam majalah; majalah Malayan Law Journal dan juga majalah-majalah lain. Di mana beliau dapat tidak lebih daripada satu suku juta. Bolehkah Vincent Tan dibanding dengan seorang jaguh di rantau ini, Tuan Lee Kuan Yew. Bolehkah .....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukankah yang itu terpulang kepada yang menerima hukuman itu sama ada hendak menerima hukuman atau hendak membuat rayuan. Kalau sekiranya belum sampai dan habis lagi masa rayuan iaitu sebulan, maka saya rasa tak eloklah Yang Berhormat berkata begitu. Barangkali. . . . . .

Tuan R. Karpal Singh: Bukan apa tak elok, oleh kerana tidak baik oleh negara, tidak ada apa-apa precedent, dan seorang hakim .....

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya yang menerima hukuman, yang dijatuhkan hukuman itu menerima hukuman, dia kata dia hendak bayar sebanyak ini, saya rasa itu terpulanglah kepada dia, kerana ini ialah di antara dua pihak. Sama ada dia hendak menerima, dia hendak mengatakan hukuman itu 'fair' ataupun tidak, itulah. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak mengeluarkan yang itu, saya ingat itu ialah dari segi akademik.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, apabila satu kes ada diputuskan, itu jadi satu precedent. Bukan jadi di antara the plaintiff and the defendant atau the appealant and the respondant. Tetapi satu precedent yang boleh diikuti oleh hakim-hakim lain. Di segi itu, Tuan Speaker, tidak bolehkah keputusan seperti itu, dengan izin, dicritisized, itu tujuan saya. Jikalau tidak, itu jadi precedent walaupun tidak lupus masa rayuan. Saya ingat, Tuan Speaker, dengan hormatnya, saya ada kuasa sebagai Ahli Dewan Rakyat untuk menyuarakan bahawa precedent seperti ini jadi satu precedent yang dangerous, yang merbahaya jikalau tidak dikritik oleh kami di Dewan yang mulia ini. Walaupun ada the doctrine of the separation of powers, tetapi itu tidak terpakai dalam keadaan seperti mana yang wujud sekarang.

Tuan Speaker, apa yang saya hendak menyuarakan di sini kepada semua hakim-hakim, tugas-tugas hakim-hakim — Tuan Speaker pun dalam satu masa adalah Tuan Hakim — adalah satu tugas yang berat. Tetapi tugas itu tentu dilancarkan dengan the dignity that is required of the bench. Apa yang ada berlaku baru-baru ini, tak payah namakan sesiapa, saya ingat itu tidak sesuai, does not lift-up to the standard expected of the judiciary. Ini ada kaitan dengan — dan ini satu perkara penting bahawa apabila seorang hakim dilantik, apa kriteria ada digunakan.

Tuan Speaker, dalam satu masa tidak pernah bagi seorang walaupun peguam atau dalam, dengan izin, the legal of judicial service menjadi hakim. Tetapi sekarang, with regret, dengan izin, Tuan Speaker, the standard of the judiciary has deteriorated. Ini adalah menunjukkan apabila mutu hakim-hakim hari ini atau zaman ini dibanding dengan mutu hakim-hakim yang ada dilantik dalam masa dahulu daripada tahun 1970. Saya merayu kepada — ini fakta, these are facts which must be faced by all of us, dengan izin.

Tuan Speaker, oleh kerana ini jadi satu badan yang penting dalam the administration of justice dalam negara kita ini, saya merayu kepada kerajaan untuk menggunakan kriteria yang tinggi untuk melantik seorang hakim, walaupun seorang judicial commissioner.

Saya mahu sentuh sedikit atas peranan Peguam Negara. Walaupun ....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah 20 minit.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah habis?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau habis, baiklah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mas.

4.15 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya (Bukit Mas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia di atas pembentangan Belanjawan Negara 1995 pada 28hb. Oktober 1994. Pembentangan Belanjawan Negara kali ini lebih merupakan hadiah yang amat bermakna kepada semua lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan keturunan, perbezaan pada status dan kedudukan dan kepercayaan yang dianuti oleh mereka masing-masing.

Kita rakyat Malaysia seharusnya merasa bangga oleh kerana mempunyai pemimpin negara seperti Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kedua-dua pemimpin ini telah berjaya membuktikan kewibawaan masing-masing dengan mewujudkan perkembangan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang bukan sahaja cukup membanggakan masyarakat Malaysia, tetapi juga menakjubkan masyarakat dunia antarabangsa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri serta Kabinetnya telah berjaya membina iklim politik negara yang cukup stabil sehingga kebanyakan negara di dunia antarabangsa menjadikan kestabilan politik yang telah dicapai oleh Malaysia sebagai model atau contoh terbaik bagi politik negara mereka masing-masing, khususnya negara yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh dengan lebih panjang lebar dan mengulangi lagi segala kebanggaan serta kegembiraan seluruh rakyat Malaysia tentang Belanjawan Negara 1995. Izinkanlah saya dengan secara ringkas menyampaikan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih daripada semua penduduk dari kawasan Bukit Mas, Limbang, Sarawak kepada Menteri Kewangan Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas keprihatinan, kesungguhan dan usaha positif yang telah ditunjukkan berhubungan dengan pertambahan peruntukan bagi pembangunan yang bukan sahaja melibatkan pembangunan di bandar semata-mata, tetapi juga kawasan luar bandar dan pedalaman yang telah juga dikhususkan oleh beliau sewaktu membentangkan Belanjawan 1995.

Tidak dapat dinafikan masyarakat Malaysia sama ada secara individu, berkumpulan, para pegawai kerajaan daripada kedudukan tertinggi hinggalah ke peringkat bawahan, pelbagai peringkat usahawan, sama ada yang terlibat secara langsung atau sebaliknya di dalam kebanyakan bidang dan sektor industri, malahan merangkumi seluruh masyarakat asing yang berada di Malaysia turut melahirkan kegembiraan serta kebanggaan kepada Yang Amat Berhormat

Menteri Kewangan di atas segala isi kandungan Belanjawan kali ini. Saya berdoa agar Tuhan akan terus memberikan rahmat-Nya kepada kedua-dua pemimpin negara yang berwibawa, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya rakyat pada keseluruhannya akan terus dapat mengecapi segala nikmat daripada apa yang mereka perolehi dan miliki hari ini, berterusan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara yang melibatkan kawasan Parlimen Bukit Mas, Limbang, Sarawak dan beberapa perkara yang saya akan bangkitkan kali ini sebenarnya memerlukan perhatian dan seterusnya tindakan susulan daripada pihak kerajaan.

Pertama, saya ingin mendengar penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan mengenai projek lapangan terbang baru Limbang yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Tetapi hinggalah sekarang ini belum ada sebarang perkembangan ke arah pelaksanaan projek berkenaan. Memandangkan ketika ini penerbangan dari Miri ke Limbang dan Limbang ke Miri berjumlah 102 kali seminggu manakala Limbang ke Kota Kinabalu dan Kota Kinabalu ke Limbang sebanyak 4 kali seminggu, keadaan lapangan terbang Limbang sekarang ini ternyata tidak mampu dan sering kali mengalami masalah kesesakan terutama bagi memenuhi permintaan para penduduk di kawasan Bukit Mas.

Kedua, saya ingin bertanya Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab secara langsung mengenai Pos Kawalan Sempadan Negeri Sarawak dengan negara Brunei Darussalam iaitu dekat di Tedungan dan juga di Pendaruan dan di Mangkalap. Begitu juga dengan sempadan Sarawak dan Sabah iaitu dekat Merapoh, bilakah agaknya keempat-empat kawasan Pos Kawalan Sempadan dan Pusat Pemeriksaan Imigresen ini akan menerima perubahan disediakan beberapa lagi kemudahan asasnya. Umpamanya, di Tedungan iaitu sempadan Sarawak dengan Brunei Darussalam, saya mencadangkan agar permintaan dan kemudahan seperti berikut dapat diadakan iaitu memanjangkan masa untuk bekerja daripada pukul 6.00 pagi hingga pukul 10.00 malam. Yang ada sekarang ini hanyalah digazetkan daripada pukul 6.00 pagi hingga pukul 7.00 malam.

Meningkatkan mutu kerja dan serta kemudahan alat-alatan ke arah keselesaan para pekerja dengan menyediakan kelengkapan pejabat berhawa dingin. Dan juga menambahkan lebih ramai lagi kakitangan Imigresen daripada empat orang yang ada sekarang ini dan kalau boleh menambahkan sampai ke-12 orang.

Saya berharap Kementerian Dalam Negeri akan menimbangkan masalah para pelawat yang terpaksa menunggu lama di Pos Kawalan dan Pusat Pemeriksaan Imigresen. Ini dirasakan tidak produktif ke arah usaha kerajaan untuk mempromosi industri pelancongan.

Ketiga, saya ingin meminta kepada Kementerian Kesihatan untuk membangunkan sebuah hospital baru untuk kegunaan para penduduk di kawasan Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, melihat keadaan masalah yang dialami sekarang ini, keperluan perubatan dan kesihatan yang semakin bertambah di kawasan Lawas, Hospital Lawas yang ada sekarang ini ternyata tidak mampu menampung jumlah keperluan dan

permintaan rawatan. Dan Jabatan Perubatan sekarang ini juga telah menyewa bangunan kedai bagi memenuhi keperluan rawatan pesakit semasa.

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia agar dapat menggiatkan semula Klinik Desa di Long Napir di dalam Bahagian Limbang untuk memenuhi keperluan kesihatan bagi kaum Penan dan kaum Kelabit di daerah berkenaan.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Klinik Desa yang terdapat di Long Napir telah diberhentikan operasinya tanpa diketahui alasannya yang tertentu. Bolehkah Kementerian Kesihatan Malaysia menyambung semula perkhidmatan yang telah terhenti ini terutamanya untuk memenuhi kehendak perubatan dan rawatan bagi kalangan masyarakat Penan dan Kelabit di kawasan yang berkenaan.

Keempat, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mempertingkatkan cadangan agar dapat menyediakan lebih banyak lagi kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih serta menambahkan pembinaan jalan raya yang mana ianya terletak di kawasan Parlimen Bukit Mas di Limbang. Kawasan luar bandar dan pedalaman yang dimaksudkan ialah kawasan Long Sukang, Long Semado, Ba' Kelalan, Long Tengoa di daerah Lawas dan daerah Batu Danau, Pendam, Nanga Medamit, Tedungan dan beberapa kawasan lain di dalam Bahagian Limbang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua kawasan-kawasan yang telah saya nyatakan sangat memerlukan kesemua kemudahan asas berkenaan. Saya berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak akan terus membiarkan para penduduk di kawasan-kawasan terbabit terus menunggu sehingga 30 tahun lagi barulah dapat menikmati semula kemudahan asas seumpamanya.

Kelima, saya ingin memohon untuk mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat menubuhkan sebuah sekolah vokasional di Bahagian Bukit Mas khusus untuk menampung keperluan di kawasan utara wilayah Sarawak. Dengan tertubuhnya sekolah vokasional ini ia juga secara tidak langsung akan dapat menggalakkan lebih banyak penyertaan kumpulan sasaran dan generasi belia hari ini memasuki sekolah vokasional sejajar dengan matlamat kerajaan sendiri. Ia juga akan mengambil kira keperluan tenaga kerja di dalam pelbagai bidang selaras ke arah permintaan yang meningkat menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah sosial di kalangan generasi muda. Sejajar dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Malaysia ke arah pembangunan sosial dalam semua bidang, kita tidak seharusnya terus melupakan nilai-nilai murni ke arah pembangunan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia keseluruhannya.

Saya berharap dan menaruh kepercayaan yang sepenuhnya bahawa pembangunan yang melibatkan perubahan pada sektor ekonomi haruslah pula diseimbangkan dengan proses pembangunan sosial dan pendidikan agama yang lebih sempurna. Kita tidak dapat menafikan setiap pembangunan yang akan dijalankan turut juga mengakibatkan proses perubahan yang besar kepada banyak perkara. Tetapi, perubahan yang diseimbangkan dengan pembangunan moral

yang baik dan tanpa melupakan untuk menumpukan pendidikan di dalam bidang keagamaan yang dianuti oleh mana-mana masyarakat di Malaysia ini, dapat membawa kejayaan di dalam proses perubahan kepada pembangunan yang akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengambil contoh, misalnya masalah sosial yang melanda generasi belia kita hari ini iaitu budaya lepak dan masalah budaya bohsia. Kita perlu mencari jalan penyelesaiannya yang dianggap terbaik dan amat perlu dilakukan oleh kita. Mungkin yang kena dan tepat sekarang ini ialah menekankan lebih banyak kepada pendidikan moral dan akhlak yang baik selain memberikan pengetahuan yang lebih di dalam bidang keagamaan sama ada dilakukan di peringkat sekolah hinggalah ke rumah.

Sehubungan dengan itu juga, adalah tidak adil bagi kita dengan hanya menyalahkan Kementerian Pendidikan semata-mata khususnya para guru-guru sekolah apabila timbulnya masalah seumpama ini di kalangan generasi belia kita hari ini. Kita tidak dapat menafikan timbulnya masalah ini adalah berpunca sebahagiannya kerana pembangunan yang sedang berkembang pesat di dalam pelbagai bidang dan sektor.

Saya rasa di dalam menangani masalah seperti ini kita tidaklah boleh hanya menuding jari kepada sesiapa sahaja atau melihat untuk mencari kelemahan yang ada, membebankan pihak Kementerian Pendidikan di dalam menyelesaikan masalah berkenaan. Sehubungan dengan perkara ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan, khususnya kepada Menteri Belia dan Sukan di atas daya usaha dan pemikiran kreatif mewujudkan konsep Rakan Muda. Saya menyokong sepenuhnya usaha seperti ini sebagai salah satu langkah ke arah membanteras masalah keruntuhan budaya yang melanda generasi belia Malaysia hari ini.

Saya juga berharap semua Wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini akan dapat bekerjasama, mulai dari rakan-rakan Backbenchers dengan melibatkan diri di dalam sebarang bentuk aktiviti yang telah diprogramkan oleh kerajaan ke arah mengurangkan masalah ini.

Mengenai Projek Hidro-elektrik Bakun. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha dan hasrat kerajaan untuk menggalakkan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, khususnya di negeri Sarawak, saya ingin mencadangkan di sini agar penswastaan Bakun Hidro-Electric Project yang diberikan kepada EKRAN Bhd. haruslah juga menyediakan pakej-pakej ataupun peluang-peluang perniagaan yang boleh dilibatkan oleh mana-mana golongan usahawan bumiputera yang berpotensi dari negeri Sarawak sendiri. Saya berharap dan bermohon supaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri dapat memastikan peluang yang boleh disertai oleh golongan usahawan bumiputera tidak diketepikan, lebih-lebih lagi dalam projek raksasa dan besar seperti ini.

Mengenai peranan PETRONAS dan syarikat gergasi di bidang industri, minyak dan gas, izinkanlah, saya bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri atau Menteri yang bertanggungjawab, adakah PETRONAS setakat ini telah melaksanakan sistem konsep vendor ataupun konsep payung bagi kalangan usahawan bumiputera? Selain dari PETRONAS, saya juga inginkan penjelasan daripada

pihak kementerian sendiri, sejauh manakah penglibatan atau peranan yang telah dimainkan oleh syarikat-syarikat gergasi yang lain (multinational companies) terutamanya yang terlibat secara langsung di dalam industri gas dan minyak seperti syarikat Esso dan syarikat Shell di dalam memenuhi matlamat dan objektif ke arah menggalakkan penyertaan lebih ramai lagi golongan usahawan bumiputera ke arah tujuan kerajaan untuk membentuk satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera menjelang tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Esso dan Shell telah bertapak di Malaysia lebih daripada 100 tahun lamanya, tetapi, persoalannya di sini ialah berapa banyakkah syarikat bumiputera yang telah berkembang maju dengan bantuan ataupun program-program dalaman syarikat tersebut untuk membantu usahawan bumiputera? Saya ingin penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah dalam sebuah bank antarabangsa iaitu Standard Chartered Bank. Ketika mana industri bank-bank menghadapi saat genting di dalam proses pembangunan ekonomi seluruh masyarakat dunia, kita merasa bangga dengan peningkatan yang dicapai oleh Bank Negara Malaysia di dalam usaha-usaha pembangunan dan menyaksikan kejayaan yang telah diperolehi oleh bank-bank di Malaysia ini. Untuk itu, izinkan saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, mengapakah sebuah bank antarabangsa iaitu bank Standard Chartered berhasrat untuk mempergunakan hak yang ada padanya dengan mengambil langkah berjimat cermat dan memaksakan staf dan pegawai-pegawai bank untuk berhenti kerja ditengah-tengah kepesatan proses pembangunan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin menggalakkan?

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Gabenor Bank Negara Malaysia sendiri perlulah menyedari kesan dan akibat buruknya, oleh kerana program-program seperti begini. Saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat menyelidiki bagaimanakah pengurusan bank Standard Chartered dapat mengendalikan penggunaan hak atau kuasa yang ada padanya untuk menjalankan program seperti ini? Saya juga berharap supaya Bank Negara sendiri menyiasat beberapa sungutan dari kalangan kakitangan bank itu sendiri berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca satu petikan dari surat khabar, *Act Wise*, this is in English.

> "Stand off in Standard Chartered. Allegation by employees of foul play in Standard Chartered Bank Malaysia Bhd. continue. At the end of last week, bank officers at the Head Office in Kuala Lumpur took to wearing protest badges amidst charges that Senior Management was pressing officers to apply for a voluntarily early retirement scheme. The badges says, "Unite Fight Injustice". The in-house union whose members wore the badges are the Standard Chartered Bank Officers Association and Standard Chartered Bank National Officers Association and they represent officers in junior and middle management. Sources says that by the October 28 deadline, application from clerical and non-clerical members of the National Union of Bank Employees met the Bank's target of 354 for the early

retirement scheme. The targeted numbers of 69 applicants at National Officers Association level was also met, but apparently, the wrong people had apply. The target of 81 at Bank Officers Association level was not met".

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya ingin membangkitkan masalah ini ialah oleh kerana di saat-saat pembangunan berjalan dengan begitu pesat, di negara Malaysia, mengapakah perkara seperti ini masih berlaku? Saya berharap Bank Negara Malaysia ataupun . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Michael Lisa Kaya @ Gor Kaya: . . . . . Menteri Kewangan dapat menyiasat perkara ini oleh kerana sebagai bekas pegawai daripada Standard Chartered Bank, perkara seperti ini saya fikir, tidak perlu berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin menjelaskan di sini, kita merasa syukur kepada Tuhan kerana telah diberikan para pemimpin yang cukup berwibawa dengan membawa banyak perubahan kepada negara Malaysia selama ini. Corak kepimpinan yang ada pada hari ini akan terus menentukan kesejahteraan dan keharmonian serta kebebasan hidup rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, saya mewakili para penduduk seluruh kawasan Bukit Mas, Limbang, ingin sekali lagi merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga dan berharap rakyat Malaysia sentiasa hidup di dalam keadaan yang sejahtera dan bahagia di bawah pucuk pimpinan keduadua Menteri – Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang sangat-sangat dikasihi dan disegani.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tumpat.

4.39 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Pertama saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan dan kepada Menteri Kewangan . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cakap kuat sedikit, tidak dengar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pertama-tama saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan dan kepada Menteri Kewangan yang telah mampu membentangkan satu belanjawan yang agak baik pada tahun ini, walaupun duti import terhadap 2,600 barangan dihapuskan tidak mempunyai erti apa-apa jika tidak dipatuhi oleh peniaga.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mestilah mempunyai dasar-dasar tertentu dalam hal ini. Jangan jadi panas tahi ayam dan seharusnya memastikan agar harga barangan tersebut akan diturunkan dan ianya juga tidak akan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana tahun lepas, harga barangan yang diisytiharkan turun ternyata tidak semuanya turun dan sesetengah barangan telah naik dengan sewenang-wenangnya. Jadi, tidak hairanlah di Kawasan Bebas Cukai dan Kedai Bebas Cukai, harga barangan lebih mahal dari harga di kawasan tidak bebas cukai. Harga yang ditaruh jauh

lebih daripada harga yang sepatutnya. Nasihat dari pihak kementerian langsung tidak didengari dan penggunalah yang menjadi mangsa. Apa lagi dengan pengisytiharan daripada Perdana Menteri yang menyatakan bahawa orang politik boleh berniaga. Tidak salah kalau saya katakan sekarang urusan kepimpinan politik negara menuju ke arah kepimpinan korporat di mana golongan korporatlah yang akan menentukan siapa dan arah tuju politik bangsa di masa yang akan datang, sebagaimana yang berlaku di Amerika sekarang. Dan ini juga menggambarkan kepada kita bahawa pemerintah sekarang telah menuju ke arah kepimpinan politik yang materialistik, yang terlalu amat jauh dengan saranan Perdana Menteri sendiri untuk membanteras politik wang di dalam parti. Pada satu ketika mengecam politik wang dan pada satu ketika yang lain menyatakan orang politik boleh berniaga. Pada satu ketika memberi jalan yang seluas-luasnya untuk Kelantan melaksanakan hudud dan pada satu ketika yang lain mengeluarkan fatwa di mana hudud PAS tidak menjamin keadilan. "Kita tidak tolak hukum hudud tetapi yang kita tolak ialah hudud PAS", ini namanya talam dua muka, Tuan Yang di-Pertua.

Memberi peluang kepada orang-orang politik berniaga merupakan memberi pisau kepada anak-anak kecil. Ia bukan sahaja merbahaya kepada dirinya tetapi ia juga akan merbahaya kepada rakyat negara kita ini. Jika orang politik boleh berniaga, apa salahnya kalau pegawai-pegawai kerajaan dan ketua-ketua jabatan diberikan peluang berniaga?

Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang berfikiran sempit seperti Wakil dari Pasir Mas, *(Ketawa)* yang pada satu masa dahulu pernah bermadah kerana terlalu bencinya kepada UMNO pada masa itu sehingga beliau menyatakan, "Jika saya masuk UMNO, saya akan jilat punggung Dr. Mahathir". *(Ketawa)* Sebelum Pemuda Pusat Parti Semangat 46 mengadakan undi tidak percaya kepada beliau, beliau mengisytiharkan keluar daripada Parti Semangat 46 dan terus melompat ke Parti UMNO.

Di dalam perhimpunan 'Kepimpinan Bersama Rakyat' di Pasir Mas baru-baru ini, beliau telah mengisytiharkan Perdana Menteri kita sebagai Wira Jagat. "Jagat" ertinya "Dunia" kepada Perdana Menteri dan dalam ucapan beliau di dalam Parlimen kelmarin, beliau telah mengangkat Wira Jagat setinggi langit. Barangkali itulah namanya menjilat punggung yang dimaksudkan oleh beliau pada satu masa yang lalu. Sungguh lincah kancil dari Pasir Mas ini. Dia yang memberi gelaran, dialah yang mengangkat. Dia yang beri gelaran Wira Jagat dan dialah yang mengangkat Wira Jagat.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bukan "Wira", "Adi Jagat".

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Adi Jagat. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan boleh tetapi jangan buat macam itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beliaulah . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak beri jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri jalan?

Beberapa Ahli: Takut!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan takut . . . . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dia fitnah besar . . . . .

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab dia sentiasa cakap bohong.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dia ini pemfitnah besar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beliaulah yang menubuh Yayasan Pasir Mas . . . . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini fitnah besar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Beliaulah yang mengangkat Yayasan Pasir Mas . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas, kalau hendak bangun atas point of order saya benarkan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta jalan sebab saya tidak sentuh, perangai hodoh . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya tidak izinkan celahan macam ini melainkan Yang Berhormat bangun atas point of order. Itu boleh.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: 36(6) — point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sangkaan jahat.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat 36(6). Ambil kesempatan. Saya hendak masuk UMNO itu saya punya hal sebab saya memang orang yang ada visi, bukan macam Tumpat, beku!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, nantilah dahulu. Saya hendak beritahu sebab ini sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak payah buat huraian.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak beritahu sebab ini sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya akan buat keputusan. Cukup.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ini sangkaan jahat. Dia cakap lagi saya bangun ganggu. Dia tidak boleh cakap lagi hari ini. Dia bercakap lagi saya bangun ganggu. Saya tidak akan ganggu hanya kalau dia bercakap dengan teratur dan jangan membuat fitnah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Cukup.

Beberapa Ahli Pembangkang: *(Menyampuk)*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Apa dia Bukit Bintang? Apa? Kamu jangan campur, belasah nanti baru tahu. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas dinasihatkan . . . . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: DAP tidak usah tolong PAS. Ini kamu tidak ada kena-mengena . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya! *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk! Yang Berhormat bukan orang baru, takkan tak faham Peraturan Mesyuarat? Yang Berhormat Tumpat dinasihatkan janganlah gunakan perkataan-perkataan yang tidak senonoh walaupun tidak disenaraikan sebagai perkataan yang unparliamentary.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa bukan budaya kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya quote, bukan saya kata. Saya quote apa yang pernah dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada banyak benda lain yang lebih bernas yang Yang Berhormat boleh menyentuh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beliaulah yang menubuhkan Yayasan Pasir Mas. Ini betul. Beliau juga yang memuji Yayasan Pasir Mas yang dia Pengerusinya.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin PAS dan S. 46 dianggap jumud dan berfikiran sempit. Dikatakan 9 orang ke rumah Menteri Besar Kelantan meminta air tawar. Yang lulus hanya seorang sahaja dalam peperiksaan UPSR sedangkan kerana aktiviti yang dijalankan oleh beliau, kejayaan dicapai di kawasan Pasir Mas telah menaikkan namanya. Itu kononnya. Sebenarnya kelulusan yang cemerlang di kawasan Pasir Mas, bukan kerana Wakil Pasir Mas tetapi kerana mereka dedikasi dan kerana kesungguhan sekolah dan guru-guru di kawasan Pasir Mas. Kenyataan Wakil dari Pasir Mas seolah-olah beliau telah menafikan kesemuanya ini dan kemudian mengaku kerana beliaulah maka kejayaan seperti itu dicapai. Tuduhan pemimpin PAS dan S. 46 berfikiran sempit . . . . .

Datuk Haji Ibrahim Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tidak beri jalan.

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak ada jahat pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, ada point of order. Saya akan buat keputusan. Ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Point of order 36(6). Dia kata saya mengaku. Saya hanya kata Yayasan Pasir Mas memberi sedikit sumbangan dan kejayaan-kejayaan lain itu hasil dari guru besar dan guru-guru. Ini yang saya katakan jumud dan bahlol. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Baghal!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Baghal!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa sangkaan jahat ini tidak timbul. Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Tuduhan pemimpin pimpinan PAS dan S. 46 berfikiran sempit dan jumud dan mengambil air tawar di rumah Menteri Besar Kelantan hanyalah merupakan sangkaan semata-mata. Itu adalah tuduhan yang samseng, yang tidak perlu dijawab. Jawapan akan diberi dalam pilihan raya yang akan datang *(Disampuk)* berdasarkan dengan prestasi yang ada pada hari ini. Saya yakin umur Yang Berhormat Pasir Mas hanya setakat pilihan raya yang akan datang. Selepas itu akan "terkubur"lah beliau. Kalau beliau hendak gali kubur sekarang ini bolehlah. Saya terlebih dahulu mengucapkan, "Innaalillahi wa-innaa-ilaihi-raajiun".

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tumpat, ada point of order 36(6).

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: 36(6) — Dia kata umur saya sampai pilihan raya. Ini umur saya di tangan Tuhan. Bila dia ambil alih kuasa Tuhan ni?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Umur Wakil Rakyat.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha, umur Wakil Rakyat — panjang umur macam mana?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini kita cakap "kias-kias"lah, dia tak faham juga!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha, tengok dia . . . . . *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa 36(6) tak kena juga sebab ini bukan sangkaan jahat, ini andaiannya — andaian peribadinya. *(Disampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan juga kepada guru-guru *(Disampuk)* dan sekolah-sekolah di negeri Kelantan dan juga ibu bapa di atas ikhtiar dan usaha yang telah dilakukan selama ini telah berjaya mencapai satu keputusan yang tinggi. Tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa salah satu faktor kejayaan itu ialah berhubung rapat dengan dasar kerajaan yang memerintah negeri Kelantan sekarang *(Disampuk)* di mana Kelantan telah mencatatkan kualiti pencapaian murid yang mendapat 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah iaitu UPSR sebanyak 5.73%, mengatasi kualiti di peringkat kebangsaan iaitu 4.49% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kelantan semenjak di bawah Angkatan Perpaduan Ummah bukan sahaja dari segi pendidikan, tetapi juga daripada segi-segi yang lain. Minta perhatian — minta Yang Berhormat dari Pasir Mas, perhati baik-baik.

Yang pertama, dari segi jenayah, sebagaimana kenyataan yang telah diberi oleh Ketua Polis Negeri Kelantan dalam satu kenyataan baru-baru ini di mana kenyataannya itu selaras dengan pengakuan yang dinyatakan sendiri oleh Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini bahawa Kelantan adalah merupakan sebuah negeri yang paling rendah kadar jenayahnya jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, teristimewa negeri Terengganu. Negeri Terengganu yang rakyatnya tidak sampai 1 juta bukan sahaja kaya dengan minyak dan gas, tetapi juga kaya dengan jenayahnya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . . . . Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tak beri juga, ya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua . . . . .

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah mengeluarkan satu kenyataan.

> "Bagi tahun 1989, kes penderaan yang dilaporkan ialah sebanyak 236 kes. Pada tahun 1989 ialah sebanyak 511; pada tahun 1991 sebanyak 970 . . . . ."

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: "Dan pada tahun 19 . . . . ." jangan ganggulah, saya minta.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia minta jalan. Tak beri?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak beri.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti sesudah saya bercakap dahulu, bolehlah! *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Nanti dahulu, dia cakap. Nanti ada peluang lagi. *(Disampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: "Dan pada tahun 1991, 970 kes; 1992, sebanyak 852 kes; dan 1993, ada 1084 kes, tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh itu, Terengganu mencatatkan 53 kes; Kelantan 21; Kedah 65; Negeri Sembilan 117; Melaka – (Rahim Tamby Chik) 221; Pahang 117; Pulau Pinang 217; Perak 315; Johor 402; Kuala Lumpur 1103; dan Selangor adalah 1446" — yang paling tinggi.

Seterusnya beliau menjelaskan, "bagi menangani masalah ini, undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk mencegah seseorang itu daripada melakukan perbuatan tersebut". Saya bersetuju dengan pendapat beliau di mana undang-undang dan wang tidak akan dapat menangani persoalan itu tanpa ada kesedaran daripada masyarakat, terutama ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya Yang Berhormat, Kota Setar bangun ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hendak tanya apa Kota Setar ini? *(Disampuk)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasanlah sebab tak berapa jelas. Saya setuju bahawa jenayah di negeri Kelantan itu berkurangan — kurang daripada negeri Kedah. Jadi saya ingin hendak tahu, pertama, adakah negeri Kelantan di bawah pemerintahan Tok Guru Haji Nik Aziz ini ada Menteri Dalam Negeri sendiri dan Menteri Pelajaran sendiri?

Yang kedua, jenayah di Kedah itu, kalau tak salah, yang ditangkap itu kebanyakan "orang Kelate belako" *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua! *(Ketawa)*

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelancongan. Prestasi pelancongan menunjukkan bahawa kehadiran pelancong ke Kelantan telah meningkat walaupun ada di kalangan mereka yang tidak menyukai Kelantan telah menyuarakan bahawa dengan beberapa dasar yang telah dilaksanakan di Kelantan sekarang ini, mungkin pelancong akan memilih destinasi lain.

Dasar yang dimaksudkan ialah dasar kebudayaan — dasar seni budaya ekoran daripada Kerajaan Negeri Kelantan telah mengharamkan wayang kulit, Mak Yong, menora dan juga pesta rock yang penuh dengan khurafat dan unsur-unsur negatif, tetapi ternyata tuduhan itu agak meleset.

Sebagai contohnya, cuba kita lihat, pada tahun 1990, pelancong yang datang ke Kelantan sebanyak 683,403 . . . . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Mana dia!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Masa itu masa transisi di antara Kerajaan Barisan Nasional dengan Kerajaan PAS. Pada tahun 1991, pelancong yang datang . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . . . . Seremban bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tak mahu, Seremban.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, bolehkah tolong beri jalan? Tentang wayang kulit. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Ini tidak sangkaan jahat . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . . . . *(Disampuk)* Seremban . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: Ini sangkaan wayang kulit di Kelantan *(Ketawa)* sama ada halal atau tidak? *(Ketawa) (Disampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, tahun 1991, pelancong yang datang ke Kelantan ialah seramai 971,729 orang. Tahun 1992 ialah seramai 1,090,682 orang. Tahun 1993, iaitu tahun lepas, sebanyak 1,190,682 orang. Kita jangka pada tahun 1994, ianya akan lebih banyak lagi — akan lebih meningkat.

Cuba kita lihat bas yang berulang-alik daripada Kelantan ke negeri-negeri lain. Pada setiap hari, tak kurang daripada

30 buah. Paling banyak jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia ini. Peningkatan penerbangan Malaysia (MAS) yang berulang-alik ke Kelantan membuktikan Kelantanlah yang paling banyak penumpang walaupun Kelantan ini rakyatnya miskin. Ini telah menunjukkan bahawa perkembangan pelancongan ke Kelantan telah berkembang dengan pesatnya.

Bayangkanlah kalau setiap pelancong yang membelanjakan RM100 sahaja, berapa jumlah wang yang mengalir ke Kelantan pada setiap tahun? Minta perhatian Yang Berhormat dari Pasir Mas sebab beliau sering menaburkan fitnah di mana-mana beliau pergi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang ketiga, Majlis Perbandaran Kota Bharu telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar di antara 8 buah bandar yang bersih di seluruh dunia . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun ya. Tetapi saya rasa masa tak mengizinkan. *(Disampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Penilaian ini telah dibuat oleh sebuah organisasi di peringkat antarabangsa yang berpusat di Jepun *(Disampuk)* di mana Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu, Yang Berhormat Datuk Halim telah diundang ke sana bagi menerima penghormatan. Kalau hendak harap pada pemimpin UMNO, tunggulah dahulu kucing tumbuh tanduk.

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sudah menjadi tabiat . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sudah menjadi tabiat dan budaya pemimpin-pemimpin UMNO, *(Disampuk)* kalau tidak UMNO, kalau tidak Barisan Nasional, semuanya buruk . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Timbalan yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Seremban, sila duduk sebab dia tak beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau menyertai UMNO semuanya baik! Tahi kering pun akan dianggap bertukar menjadi kek yang lazat kerana dia menyertai UMNO atau Barisan Nasional. *(Disampuk)*

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang. Tumpat, hendak beri jalan tak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tak beri, tak beri!

Tuan Yim Chee Chong: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat . . . . . *(Disampuk)* Yang Berhormat . . . . . kalau hendak mencelah ataupun hendak minta penjelasan, buatlah secara elok, Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini macam Wok Long! Kalau dalam wayang kulit, wakil Seremban ini macam Wok Long. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa dah suntuk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, Alhamdulillah, Kelantan dikurniakan oleh Allah S.W.T., seorang Menteri Besar yang berilmu dan yang beramal dengan ilmunya. Hidupnya sederhana. Tidak melibatkan diri dalam perniagaan; menyerah balik elaun sewa rumah sejumlah RM3000 rumah kepada kerajaan; tidak menerima elaun dua hari raya sebanyak RM30,000 setahun; dan tidak pernah menuntut elaun kerja lebih masa dan sentiasa bertakwa kepada Allah dengan ikhlas. Saya sebut di dalam Dewan ini. Orang seperti itu . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian membahas Belanjawan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri Kewangan bercakap tentang pemotongan cukai, beliau telah bermula dengan bercakap tentang pemotongan cukai pendapatan syarikat. Saya amat dukacita ke atas Belanjawan 1995 oleh kerana Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, tidak menghapuskan 5% cukai jualan dan perkhidmatan (CJP) ke atas bil telefon, bil membaiki kereta, bil perubatan/pergigian dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan tegasnya bahawa 5% CJP adalah beban tambahan kepada orang ramai berbanding dengan orang berada. Sebabnya ialah perkhidmatan yang tersebut di atas adalah penting bukanlah luxury, dengan izin kepada semua rakyat bahkan orang miskin dan berpendapatan rendah juga memerlukan telefon dalam dunia moden ini, rawatan perubatan dan pergigian dan lain-lain. Oleh yang demikian, kerajaan tidak patut mengenakan 5% CJP ke atas perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah hakikat yang diketahui umum bahawa Menteri Kewangan bercampur dan amat rapat dengan orang-orang korporat besar. Justeru itu beliau tidak pedulikan kesusahan orang berpendapatan rendah dan miskin. Beliau lebih berminat menempatkan penyokong-penyokongnya atau geng-gengnya dalam bidang korporat seperti Diversified Resources Bhd. (DRB), Sabah Shipyard, Westmont Bhd. dan Samanda Bhd. Senarainya memang berpanjangan. Pemotongan cukai pendapatan syarikat 2% mungkin nampaknya sedikit, akan tetapi apabila 2% itu ditukar kepada ringgit dan sen ia berjumlah RM464 juta. Bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, sekiranya kita mengambil kira syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan seperti 'Sdn. Bhd.', angka ini pasti lebih tinggi. Maka pemotongan cukai pendapatan syarikat dikurangkan sebanyak 2% merupakan satu angka yang amat

significant untuk tokoh-tokoh korporat ataupun sahabat-sahabat karib Menteri Kewangan sendiri.

Seperti dikatakan oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, seramai 380,000 orang tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan dan jumlah yang terlibat dianggarkan hanya RM10 juta hingga RM12 juta sahaja. Sekiranya kita membandingkan pengurangan cukai syarikat sebanyak 2% yang berjumlah RM463 juta dengan pengurangan cukai pendapatan perseorangan yang berjumlah RM12 juta, maka adalah jelas Menteri Kewangan telah lupakan majoriti rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, golongan berpendapatan rendah dan sederhanalah yang memerlukan pemotongan cukai yang lebih dan bukannya syarikat-syarikat besar yang mampu membayar cukai malah sebanyak 34% yang merupakan kadar sebelum 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah mengumumkan pelbagai pemotongan cukai serta penghapusan duti ke atas barangan konsumer. Saya pasti semua rakyat Malaysia akan mengalu-alukan tindakan seumpamanya itu tetapi beliau tidak mengumumkan bagaimanakah beliau akan mendapatkan hasil untuk make-up, dengan izin bagi kehilangan hasil oleh kerajaan akibat pemotongan cukai. Dengan lain perkataan, Menteri Kewangan tidak memberitahu kita bagaimanakah beliau ingin mengimbangi Belanjawan 1995. Adalah jelas Belanjawan itu bertujuan untuk memenangi hati rakyat Malaysia menjelang Pilihanraya Umum. Adalah amat malang sekali bahawa pemotongan ke atas cukai telah digunakan oleh Barisan Nasional sebagai alat untuk memenangi hati rakyat jelata menjelang Pilihanraya Umum yang akan datang. Saya tidak akan berasa hairan bahawa selepas Pilihanraya Umum nanti, kerajaan akan menambahkan cukai bagi semua rakyat Malaysia dalam Belanjawan 1996 akan datang supaya dapat make-up bagi hasil yang bakal dihilang oleh kerajaan dalam Belanjawan 1995 ini. Rakyat Malaysia tidak seharusnya berasa gembira kerana kesakitan dan kesengsaraan akan kembali dalam Belanjawan 1996 kelak. Saya menyeru Menteri Kewangan memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimanakah beliau ingin make-up, dengan izin bagi kehilangan hasil kerajaan akibat pemotongan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mungkin berasa megah apabila beliau overshadowed, dengan izin, Perdana Menteri dengan Ucapan Belanjawan 1995nya. Timbalan Perdana Menteri telah berucap seolah-olah beliaulah Pedana Menteri. Adalah dirasai umum bahawa selepas Ucapan Belanjawan 1995, Timbalan Perdana Menteri adalah sebenar Perdana Menteri dan bukannya bakal Perdana Menteri ataupun "Prime Minister-in-waiting". Menteri Kewangan sepatutnya dipuji kerana memperlihatkan dirinya sebagai pemimpin yang tidak ragu-ragu, "Pasukan Wawasan" dalam UMNO (Baru) yang di mana pasukan tersebut mengandungi juga Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah diragu-ragukan bahawa Ucapan Belanjawan dipenuhi dengan cita rasa politik dan serangan ke atas bekas Menteri Kewangan Barisan Nasional yakni Ahli Parlimen Kawasan Merbok. Menteri Kewangan telah berusah payah untuk membandingkan pencapaiannya dengan ekonomi negara kita dalam tahun 1986 sedangkan Menteri Kewangan ketika itu

ialah Ahli Parlimen Kawasan Merbok, Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak payah sebut nama ya.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih. Adalah nyata daripada ucapan Menteri Kewangan bahawa ekonomi negara di bawah Ahli Parlimen Kawasan Merbok masa itu merupakan satu kegagalan. Maka ini bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional juga merupakan satu kegagalan dalam tahun 1986 dan Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu adalah salah seorang Menteri yang menyokong Belanjawan tersebut. Maka mengikut ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga merupakan satu kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua pasti akan memerhatikan bahawa dalam Sesi Dewan Rakyat pada 11.4.1993, Ketua Pembangkang telah bercakap panjang lebar mengenai keprihatinan DAP terhadap "perjudian" Bank Negara Malaysia dalam pasaran mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan pada 19hb. Julai, 1993 telah memberitahu Dewan ini, telah dicatatkan dalam *Hansard* muka surat 28 pada hari yang sama bahawa, saya petik di sini:

> "Dukacita saya memaklumkan ini satu berita yang kurang baik bagi Yang Berhormat dari Tanjong. Kerugian yang dimaksudkan itu tidak berlaku dan tidak bertambah. Yang Berhormat mahu percaya atau tidak? Tetapi saya ada maklumat yang sebenar tentang keadaan tersebut. Saya juga meneliti tiap-tiap minggu" — "tiap-tiap minggu" —"perkembangan kerana masalah yang dihadapi sebelum ini. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong bahawa perkara ini kita teliti lebih dekat dan kita lebih waspada kepada pengalaman yang lalu".

Tetapi Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Jaffar Hussein telah mengaku bahawa Bank Negara Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak RM5.7 bilion dalam pasaran mata wang asing. Saya mengatakan kerugian ini lebih daripada RM5.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah segala-galanya baik belaka dalam tahun 1993 dan segala urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia telah diawasi dan dikawalselia oleh Menteri Kewangan dan selepas beberapa bulan kemudian, Bank Negara Malaysia mengakui ia telah mengalami kerugian sebanyak RM5.7 bilion. Daripada ini adalah nyata dan jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berbohong kepada Palimen apabila beliau memberi jaminan kepada Parlimen bahawa segala-galanya adalah baik belaka dengan urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia dan bahawa secara peribadi mengawalselia urus niaga mata wang asing. Sepatutnya Menteri Kewangan memikul tanggungjawab ke atas kerugian besar yang dialami oleh negara tetapi yang berlaku ialah sebaliknya.

Tuan Yim Chee Cheong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak beri jalan sebab tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang berlaku ialah yang sebaliknya di mana . . . . .

Tuan Yim Chee Cheong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat, ada point of order Yang Berhormat. Ya Seremban.

Tuan Yim Chee Cheong: 36(6) iaitu sangkaan jahat. Bukan sahaja jahat tetapi yang amat jahat. *(Ketawa)* Tentang "bohong". Dewan yang mulia ini tidak boleh menggunakan perkataan "bohong". Jadi, saya minta tarik balik tuduhan terhadap Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bukit Bintang diingatkan bahawa perkataan "bohong", khususnya perkataan itu ditujukan kepada seseorang Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya rasa itu memang tidak dibenarkan. Unparliamentary. Tetapi 36(6) — sangkaan jahat, saya rasa tidak begitu kena. 36(4) iaitu unparliamentary word.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu fakta. Walau bagaimanapun . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bukit Bintang diminta tarik balik perkataan itu.

Tuan Wee Choo Keong: Iaitu bukan "bohong"lah. Cakap "tidak benar". Kalau "bohong", cakap yang tidak benar kerana . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat belum buat apa yang diperintah.

Tuan Wee Choo Keong: Memang saya tahu, saya tarik balik perkataan "bohong" dan dengan itu, 'amend'lah dengan "tidak benar".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pindaan.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, pindaan "yang tidak benar langsung". Sepatutnya Menteri Kewangan memikul tanggungjawab ke atas kerugian yang besar yang dialami oleh Bank Negara tetapi yang berlaku ialah sebaliknya di mana . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat . . . . . Ya, Yang Berhormat dari Seremban bangun lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Gabenor Bank Negara terpaksa meletak jawatan semata-matanya untuk melindungi Menteri Kewangan. Memang Gabenor Bank Negara sepatutnya meletak jawatan tetapi Menteri Kewangan juga sepatutnya letak jawatan disebabkan beliaulah Menteri yang bertanggungjawab ke atas Bank Negara.

Kini Menteri Kewangan dibuktikan sebagai orang yang cakap tidak benar kepada Parlimen ke atas isu urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara dan sebagai satu perkara yang membabitkan penghormatan diri serta juga untuk mempertahankan dasar pimpinan Barisan Nasional untuk menjunjungi cogan kata "Kepimpinan Melalui Teladan". Maka Menteri Kewangan harus juga mengambil langkah yang bermaruah dengan meletakkan jawatannya. Di Jepun . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Seremban bangun lagi. Point of order lagi ini.

Tuan Yim Chee Chong: 36(6). Kali ini adalah 36(6). Tadi Yang Berhormat mengatakan tidak benar bermakna

sangkaan jahat mengikut pandangan saya. Setuju atau tidak, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini? *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Setuju!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan itu saya akan buat. Bukan serah kepada Dewan, Yang Berhormat. *(Ketawa)* Saya rasa kali ini tidak kena, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita kena panggil Menteri Kewangan kena caj dia duti hiburan kali ini supaya dia tidak berani mengacau di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Jepun apabila kapal terbang, Japan Airlines terhempas, Menteri Pengangkutannya serta-merta telah meletakkan jawatan walaupun beliau bukanlah bertanggungjawab ke atas Japan Airlines.

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Sekiranya kita mengikut Kerajaan Jepun dan negeri lain, Menteri Kewangan harus juga meletak jawatan bersama dengan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, nanti dahulu. Ya, Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Yim Chee Chong: Minta maaf, Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Ini point of order 36(6) tadi mengatakan caj kepada saya. Ini caj kepada saya kerana menggunakan perkataan ini. Ini bukan mahkamah. Saya minta tarik balik tentang 'caj' ini adalah satu penghinaan kepada saya. "Caj" bermakna di mahkamah dibenarkan perkataan ini tetapi ini Dewan yang mulia ini. Ini Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini tidak kena, sebab apa yang saya dengar tadi itu lain. Bukan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Dia kata "caj duti hiburan", bukan caj di mahkamah. *(Ketawa)* Lain maknanya.

Tuan Yim Chee Chong: Sebab itu, Tuan Speaker, duti hiburan lagi menghina kepada saya. *(Ketawa)* Ini pandangan saya, dari pandangan penguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi. *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah. Namun demikian, saya menyeru Menteri Kewangan menjelaskan mengapa beliau bercakap tidak benar kepada Parlimen apabila menjawab kepada Ketua Pembangkang mengenai urus niaga mata wang asing Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat malang sekali Menteri Kewangan dalam ucapannya selama dua jam, hanya menyebut satu ayat sahaja mengenai rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Ini memperlihatkan betapa seriusnya Menteri Kewangan mengenai subjek rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Dalam Ucapan Belanjawannya, beliau tidak memberitahu Dewan yang mulia ini tentang kerugian Bank Negara dalam urus niaga mata wang asing. Dari manakah beliau akan mendapat wang untuk menampung kerugian besar yang dialami ke atas urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan adalah Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewengan peringkat Kabinet. Semenjak Menteri Kewangan dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini, negara tidak tahu-menahu tentang tindakan yang diambil terhadap mana-mana menteri, pegawai kerajaan dan jabatan kerajaan. Malah amalan-amalan curang, penyelewengan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam negara lebih teruk kini berbanding dengan dahulu. Jawatankuasa ini merupakan satu kegagalan kerana kita dapat melihat bagaimana amalan-amalan penyelewengan, curang dan rasuah digalakkan dan bukan disekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Menteri Kewangan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewengan Kabinet menjelaskan perkara-perkara yang berikut:

(i) Peruntukan saham khas kepada bumiputera adalah didedah di dalam Parlimen oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa Encik Fazrin Azwar, Encik Wan Ismail Wan Nik, Encik Marzuki Datuk Ibrahim — ini adik siapa, saya tidak tahulah; Encik Mirzan Mahathir — ini anak siapa, saya pun tidak tahu. Encik Mohamad Harith Mohamad Shariff dan Dato' Adnan Dato' Shuib — waris siapa, saya pun tidak tahu, telah diberi 1.5 juta saham setiap orang dalam Syarikat Leader Universal Holdings Berhad dengan harga RM1.00 setiap saham. Pada masa sekarang, lebih daripada RM10.00, kalau saya tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, nama-nama tersebut adalah diketahui umum, kepada kebanyakan Ahli-ahli Parlimen, khasnya Ahli-ahli Parlimen UMNO Baru. Saya tidak perlu menghuraikan lanjut tentang personaliti-personaliti yang dinamakan ini kerana saya tidak mahu memalukan Menteri Kewangan yang dikasihi oleh Pasukan Wawasan, termasuk Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Adalah didedahkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga bahawa orang yang berikut telah diberi saham FACB dengan harga RM1.00 setiap saham juga. Seorang Megat Fairouz Junaidi Megat Junid iaitu 14.8 juta saham. Nik Kamaruddin bin Ismail – 13.7 juta saham. Ainuddin Tun Hamid, anak bekas Ketua Hakim Negara – 5.21 juta saham. Faridah Abu Hassan, Ketua Wanita UMNO Baru, Wilayah Persekutuan – 4.173 juta saham. Aznan bin Jaya – 4.173 juta saham. Dato' Mohamed Adnan Dato' Shuib – 4.173 juta saham. Fazrin Azwar – 4.173 juta saham dan di dalam Lien Hoe Berhad, cuma seorang yang dapat: Noor Asiah Dato' Mahmood, siapa ini? 21.4 juta saham.

Tuan Yang di-Pertua, juga didedahkan di dalam Parlimen bahawa semenjak tahun 1992, Kementerian Kewangan telah melaksanakan pembahagian saham khas bumiputera kepada syarikat-syarikat berikut:

Syarikat Telekom Malaysia Berhad;

Tenaga Nasional Berhad;

MBf Capital Berhad;

MBf Holding Berhad. (Ini kawan baik Menteri Kewangan);

Hong Leong Credit Berhad;

Hong Leong Bank Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah beberapa kali bertanya Menteri Kewangan dahulu dalam Dewan yang

mulia ini supaya memberitahu Dewan ini nama-nama mereka yang diberi saham khas bumiputera bagi Syarikat MBf Holdings, MBf Capital Berhad, Tenaga Nasional dan Hong Leong, namun beliau tidak menjawab pun persoalan ini sehingga hari ini, mungkin Menteri Kewangan tidak berani menjawab persolan ini, nama-nama penerima saham khas disebabkan saham-saham MBf telah diberi kepada penyokong-penyokongnya atau konco-konco beliau. Saya percaya Menteri Kewangan tidak akan menjawab soalan ini oleh kerana jawapan itu akan menjejaskan "imej yang baik" beliau: "Melayu Baru" iaitu special image, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, juga adalah diketahui umum bahawa beliau adalah sahabat karib serta pelindung Tan Sri Loy Hean Heong daripada tindakan Bank Negara di atas penyalahgunaan wang MBf Finance. Kenapakah Menteri Kewangan harus memberi perlindungan atau imuniti kepada Tan Sri Loy sedangkan orang seperti Tan Sri Loy ini akan menjejaskan imej institusi kewangan negara bahkan imej beliau juga? Yang disebutkan di atas ini merupakan kes jelas tentang amalan curang serta penyalahgunaan kuasa. Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewengan Kabinet, merangkap Menteri Kewangan dan merangkap Timbalan Perdana Menteri seharusnya menjelaskan mengapa beliau membenarkan amalan-amalan penyalahgunaan kuasa dan curang sedemikian berlaku ke atas pembahagian saham-saham khas bumiputera. Jika kerajaan memandang serius dalam pengagihan saham kepada bumiputera untuk membantu mereka, maka kerajaan patut mengagihkan saham khas bumiputera ini kepada bumiputera yang tidak ada kaitan dengan tokoh-tokoh politik tertinggi UMNO Baru atau parti lain.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah saham-saham yang diberi kepada waris-waris puak UMNO Baru ialah 83.57 juta saham. Ini belum termasuk lagi MBf Holdings, Hong Leong, MBf Capital, Telekom dan Tenaga. Ini belum masuk itu lagi — 83.57 juta saham. Sekiranya setiap bumiputera yang ada di sini, yang ada di luar dan pegawai-pegawai kerajaan diberi 10,000 saham seorang, kerajaan akan dapat membantu 8.35 juta orang bumiputera. Angka ini tidak termasuk saham-saham MBf Capital dan MBf Holdings. 8.35 juta orang bumiputera tidak penting! Kalau kita berikan saham ini 10,000 sahaja, seluruh negara orang bumiputera akan dapat bantuan. Yang pentingnya ialah 12 orang yang saya sebutkan namanya tadi! Yang 12 orang ini yang penting! 8.357 juta orang bumiputera tidak penting! Itulah UMNO Baru, itulah Melayu baru, itulah dasar baru! Oleh kerana kerajaan hanya membantu 12 orang UMNOPUTRA, waris-waris pemimpin tertinggi UMNO Baru yang bertentangan dengan 8.357 juta orang bumiputera yang sepatutnya mereka mendapat segala bantuan daripada kerajaan. Ini adalah . . . . .

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli dari Seremban bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tiada masa.

Tuan Yim Chee Chong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada point of order.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan masa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu kerja saya.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah paling tidak adil! Ini adalah praktis nepotisme UMNO Baru! Ini adalah prinsip tranparency yang di-junjungi oleh Menteri Kewangan merangkap Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah kejayaan cemerlang Dasar Ekonomi Baru UMNO Baru di mana adik, anak dan waris pemimpin-pemimpin UMNO Baru yang dapat keistimewaan ke atas melaksanakan pembahagian saham khas bumiputera dan bumiputera biasa tidak mendapat satu saham pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, STLR sebuah syarikat yang dimiliki oleh Lembaga Pengarah syarikat ini yang terdiri daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur. STLR Sdn. Bhd. telah menjualkan tanah kerajaan di Wilayah Persekutuan dengan harga 'cheap sale'. Pada 24hb. Mei, 1991 Cergas Bahagia Sdn. Bhd. menanda-tangani perjanjian dengan PETRONAS yang menjual tanah seluas 19,000 kaki persegi dengan harga RM1.67 juta; harga sekaki persegi ialah RM87. Pada 16hb. Ogos, 1991 Cergas Bahagia menjualkan sebahagian tanah ini kepada Esso dengan RM4.2 juta dengan harga RM94 sekaki persegi. Sebaik sahaja tanah ini dijual oleh Cergas Bahagia kepada Esso dan PETRONAS pada bulan Mei dan Ogos, ia bukanlah pemilik sah tanah tersebut pada masa ini. Cergas Bahagia menjadi pemilik hak tanah tersebut pada 30hb. Oktober, 1991, lima bulan kemudian. Ia membeli tanah ini dengan harga RM700,000 sahaja, pada harga RM5 sekaki persegi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Sedikit lagi, saya hendak habiskan ini. Cergas Bahagia Sdn. Bhd. menjual tanah ini dengan jumlah totalnya RM7 juta. Selepas tanah ini dijual oleh Cergas Bahagia ia masih ada tanah seluas 80,000 kaki persegi lagi dalam jualan ini. Kalau kita jumlahkan keuntungan yang diperolehi oleh Cergas Bahagia Sdn. Bhd. ini hampir RM12 juta. Ini adalah jelas bahawa terdapat amalan rasuah atau penyalahgunaan kuasa di DBKL dan STLR Sdn. Bhd. Kalau tidak, Cergas Bahagia Sdn. Bhd. tidak akan berupaya menjual tanah tersebut sebelum ia membelinya. Cergas Bahagia Sdn. Bhd. ini dimiliki oleh Dato' Tan Kim Leong — 50,000 saham jualan dan pengarahnya juga Dato' Tan Kim Leong. Banyak keping tanah di Sungai Besi yang dimiliki oleh STLR telah dijual dengan harga hadiah percuma kepada syarikat yang dimiliki oleh Dato' Tan Kim Leong. Sekiranya Menteri Kewangan selaku pengerusi Jawatankuasa Penyelewengan berminat mengadakan satu penyiasatan menyeluruh ke atas tanah di kawasan Sungai Besi yang telah dijual oleh STLR Sdn. Bhd. dia akan dapati bahawa nama-nama syarikat tersebut akan muncul dalam rekod-rekod STLR. Sdn. Bhd. Saya harap Menteri Kewangan merang-kap Timbalan Perdana Menteri boleh menjawab soalan yang saya timbulkan di sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat Kapit.

5.25 ptg.

Tuan James Jimbun anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat kawasan Kapit saya mengucapkan

setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atas kejayaannya membentangkan Belanjawan 1995. Belanjawan 1995 adalah bukti nyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah berjiwa rakyat, sentiasa mencari jalan membela nasib rakyat dan terus meningkatkan kemajuan ke arah kenyataan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Malaysia dari negeri Sarawak, saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk melaksanakan projek Hidro Bakun yang bernilai RM15 bilion. Bagi kami rakyat luar bandar khasnya dari Bahagian Kapit, projek raksasa ini akan mengubah corak dan rentak pembangunan di luar bandar yang tidak pernah dialami semenjak merdeka. Kami yakin projek ini akan membuka kawasan hutan belantara kepada kawasan pembangunan yang melambangkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional membawa perubahan kepada suku kaum yang selama ini duduk jauh dari aliran pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, maka kami mengutuk mana-mana pihak khasnya parti Pembangkang yang sentiasa mencari modal politik. Bagi kami tindakan mereka menentang pelaksanaan projek Hidro Bakun adalah tindakan segelintir rakyat yang cemburu kepada rakyat tempatan yang akan menikmati hasil pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan projek Hidro Bakun saya merayu, pertama, bahawa dalam menjalankan penempatan semula kerajaan harus berhati-hati. Yang paling penting ialah pegawai-pegawai yang ditugaskan melaksanakan usaha itu mesti memahami segala rancangan kerajaan. Pegawai-pegawai yang terlibat mesti diberi taklimat yang cukup supaya mereka sama-sama faham pendirian kerajaan sebelum mereka menyampaikan kepada penduduk berkenaan.

Penduduk di luar bandar kebanyakan adalah buta huruf. Maka mereka senang diputar-belitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Adalah sukar bagi mereka untuk memahami perkara yang kompleks. Maka pihak yang berkenaan mesti memahami adat-resam, harapan, masalah, kekurangan dan selok-belok cara hidup mereka. Dengan cara itu semuanya pasti akan berjalan dengan lancar. Mereka memang berkehendakkan kemajuan tetapi mereka itu tidak bersedia menerima ide, cara dan bentuk kemajuan yang mereka tidak faham. Maka adalah penting usaha terancang diambil supaya mereka menerima cadangan kerajaan dengan hati terbuka dan senang.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya merayu agar kerajaan memastikan bahawa rakyat di Bahagian Kapit diberi peluang perniagaan sebagai pekerja, pemborong dan pembekal. RM15 bilion adalah projek raksasa. Ianya membuka peluang perniagaan yang besar kepada semua. Maka ianya akan menimbulkan masalah jika kebanyakan rakyat tempatan hanya jadi penonton dalam pelaksanaan projek ini. Untuk mencapai hasrat di atas, saya mencadangkan kerajaan menubuhkan badan penyelaras. Badan penyelaras ini akan diberi kuasa menentukan penyertaan penduduk tempatan dalam semua aspek pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kementerian Kewangan mengenakan sistem vendor dalam pelaksanaan Projek Hidro Bakun. Dengan sistem vendor untuk bumiputera, kita yakin ramai usahawan dan pembuat tempatan akan wujud, bukan hanya di

tahap pembinaan, tetapi juga di tahap penyelenggaraan nanti. Dalam pelaksanaan sistem vendor saya berharap dan merayu agar semua suku kaum bumiputera diberi peluang dengan mengagihkan kuota tertentu. Dengan cara kuota, kita memastikan semua akan diberi peluang. Janganlah peluang hanya diberi kepada segelintir rakyat sahaja, yang lain ianya menjadi penonton. Saya yakin Projek Hidro Bakun akan berjaya dan membawa perubahan kepada pembangunan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan memulihkan bangunan-bangunan sekolah. Rakyat di negeri Sarawak begitu gembira apabila mendengar pengumuman bahawa kerajaan memberi peruntukan yang besar untuk membaiki bangunan sekolah di negeri Sarawak. Bagi rakyat luar bandar, peruntukan itu adalah bukti keazaman kerajaan untuk meningkatkan taraf kemudahan, khasnya bangunan-bangunan sekolah di luar bandar. Ini adalah bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional berjiwa rakyat. Ini adalah bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka mengenai masalah pendidikan di luar bandar. Ini adalah bukti kukuh membawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha menyahut seruan rakyat untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah yang usang itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di sana rakyat luar bandar begitu hampa dan dukacita. Rakyat hampa dan dukacita kerana apa yang diharapkan dapat mengubah keadaan di luar bandar tidak berlaku. Harapan bahawa peruntukan menaikkan taraf bangunan-bangunan, khasnya rumah guru tinggal harapan sahaja — mengapa? Pertama, peruntukan kepada sekolah di luar bandar begitu kecil. Di beberapa sekolah, ianya sekadar RM10,000, tetapi yang diperlukan adalah berlipat ganda. Kedua, peruntukan itu hanya boleh digunakan untuk membaiki sebahagian bangunan yang usang itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan itu tidak boleh digunakan untuk menggantikan bangunan yang telah usang. Maka di mana rumah usang itu dalam keadaan begitu teruk, tidak boleh dibaiki, ianya ditinggalkan begitu sahaja. Saya tidak faham apakah rasional dasar itu. Sekiranya dasar itu diteruskan, ia tentu tidak dapat menyelesaikan masalah rumah usang di sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu agar Kementerian Pendidikan mengkaji semula dasar di atas. Kementerian Pendidikan harus flexible, dengan izin, supaya matlamat untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah dicapai. Jabatan Pendidikan harus dibenarkan — 'complete replacement', dengan izin, rumah-rumah guru yang telah usang. Hanya dengan cara itulah kita yakin bahawa peruntukan yang berjumlah berjuta-juta ringgit Malaysia itu akan memberi manfaat kepada rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keputusan kerajaan menswastakan perkhidmatan perubatan, saya berharap perkhidmatan perubatan di kawasan luar bandar tidak terjejas. Saya merayu kepada Jabatan Perubatan untuk sentiasa meningkatkan perkhidmatan mereka di luar bandar negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama dihadapi oleh penduduk luar bandar apabila menghantar saudara-mara berubat di hospital-hospital baik di Kuching, Sibu atau di Kuala Lumpur adalah masalah menjadi tempat untuk berteduh. Adalah

sukar bagi mereka untuk mencari tempat tinggal. Kadangkala pihak hospital membenarkan mereka tinggal bersama di wad hospital. Tetapi ini pasti menimbulkan berbagai masalah. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan untuk menyediakan rumah tumpangan di semua hospital di seluruh negara di bandar. Rumah tumpangan ini disediakan sebagai kemudahan yang boleh disua oleh keluarga pesakit yang datang dari jauh yang tidak mampu menyewa hotel. Masalah di atas mungkin dipandang remeh-temeh oleh penduduk di bandar, tetapi bagi rakyat yang miskin dari luar bandar, ianya adalah masalah besar. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian Kesihatan menimbangkan perkara ini. Saya berharap ia dapat disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Johor Bahru.

5.36 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru): Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 28hb. Oktober yang lalu.

Sebagai rakyat Malaysia, saya percaya kita sekali lagi dapat melahirkan perasaan lega kita bukan sahaja kerana kita secara langsung menikmati penurunan dan pelepasan cukai, tetapi sebagai rakyat yang cintakan negaranya sendiri, kita berasa bangga dan megah di samping tidak lupa bersyukur terhadap Allah S.W.T. setelah dimaklumkan mengenai pencapaian dan prestasi ekonomi negara kita melalui butiran dan perangkaan yang dibentangkan. Pencapaian-pencapaian tersebut membuktikan kejayaan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan sekaligus menghampakan pihak Pembangkang yang sentiasa mengharapkan kegagalan kerajaan, kerana hanya melalui cara itu sahaja barulah mereka boleh mampu menggugat kerajaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Pembangkang akan terus hampa melihat kejayaan negara, bagi rakyat jelata kita mesti tentukan mereka tidak terpengaruh dengan Pembangkang. Rakyat jelata perlu mempunyai kesedaran bahawa semua kejayaan dan pencapaian negara selama ini bukanlah sesuatu yang datang secara bergolek dan bukanlah sesuatu yang datang secara automatis. Kejayaan dan pencapaian kita bukan kerana kita mempunyai sumber asli yang banyak ataupun kerana kita terletak di dalam sebuah rantau yang sedang berkembang dengan begitu pesat. Itu bukan sebabnya kita berjaya.

Rakyat harus sedar bahawa kejayaan kita adalah kerana kemampuan, ketangan, kebijaksanaan dan kelebihan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional serta keikhlasan mereka mentadbir negara ini memberi khidmat untuk kepentingan rakyat dan negara yang membuahkan hasil dalam pembangunan, kemajuan dan peningkatan mutu hidup. Ditambah pula kerajaan yang ada merupakan sebuah kerajaan yang sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan yang seimbang dan penghayatan serta penerapan

nilai-nilai yang baik yang sentiasa menggunakan peluang dalam perkembangan ekonomi tanpa melupakan tanggungjawab menyelesaikan soal kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan mengatasi soal-soal sosio-ekonomi rakyat.

Ternyata inilah yang dirumuskan oleh Persidangan ESCAP, dengan izin, The United Nations Economic and Social Commission for Asia Pasific di Manila baru-baru ini yang menerima hakikat bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata belum tentu boleh mengatasi soal kemiskinan ataupun memperbaiki taraf hidup rakyat. Malah didapati di banyak negara membangun atau di negara maju pun sekarang, jurang antara pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial menjadi semakin luas. Akibatnya, masih banyak lagi rakyat yang miskin dalam negara-negara membangun tersebut yang memerlukan satu usaha global bagi mengatasinya. Kita di Malaysia sudah lama mengambil pendekatan yang seimbang dengan kepimpinan kerajaan yang praktikal dan realistik.

Kita sudah lama mengambil usaha mengatasi soal kemiskinan, menyusun semula masyarakat, mengukuhkan institusi sosial dan menekankan soal pendidikan. Semuanya ini tidak akan berlaku jika tidak kerana kebijaksanaan dan keprihatinan kepimpinan kerajaan yang memerintah. Dan kerajaan inilah yang rakyat harus sokong supaya rakyat terus dapat menikmati kesejahteraan, kebahagiaan dan juga kemewahan. Kritikan tanpa cadangan yang biasanya datang daripada Pembangkang merupakan sesuatu yang mudah untuk dibuat tetapi kritikan tanpa cadangan samalah seperti meminta kerajaan supaya jangan berbuat apa-apa kerana jika ada cadangan takut kerajaan mampu untuk menjayakannya.

Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bersedia menerima kritikan lebih-lebih lagi jika kritikan itu datang bersama-sama dengan cadangan. Malangnya kadangkala cadangan yang dibawa oleh Pembangkang tidak bernas dan juga tidak praktikal. Ini sesuatu yang mereka sendiri tidak dapat elakkan kerana mereka kurang pengalaman dan pengetahuan. Inilah yang rakyat harus sedar dan juga fahami.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi pada hari ini, dalam mentadbir secara praktikal dan realistik, kerajaan memberi penekanan dan keutamaan yang tinggi kepada keperluan sosio-ekonomi rakyat khususnya soal penyediaan rumah kos rendah. Kita sedar . . . . .

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, masa tidak ada.

Kita sedar kesan yang buruk kepada institusi keluarga dan masyarakat jika rakyat hidup merempat, tidak mempunyai rumah yang sempurna, bermasalah untuk memberi kebahagiaan kepada anak-anak. Keruntuhan institusi keluarga di banyak negara, adalah merupakan kesan yang paling ketara akibat kekurangan kemudahan perumahan. Anak-anak muda akan merasa bosan untuk berada di rumah bersama ibu bapa. Mereka lebih gemar menghabiskan masa berada di pusat-pusat hiburan bersama-sama rakan sebaya. Akibatnya hubungan anak dengan ibu bapa menjadi semakin renggang dan anak-anak pula lebih mudah terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat seperti lepak, menagih dadah, seks

secara bebas dan pelbagai macam lagi kegiatan anti-sosial yang menjerumuskan para belia kita ke kancah kehidupan tidak bermoral.

Oleh itu, langkah kerajaan memantapkan usaha untuk mengatasi soal permintaan rumah khususnya jenis kos rendah dengan peningkatan peruntukan sebanyak RM1 bilion menjadikannya kepada RM2.6 bilion adalah sangat menggalakkan sekali dan mencerminkan sikap keprihatinan dan keikhlasan kerajaan yang sebenar dalam menjamin masalah-masalah yang berpunca dari kekurangan rumah ini dapat dihindari seterusnya mengelakkan keruntuhan institusi keluarga dan moral para belia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, haruslah kita menerima hakikat bahawa kegagalan dan kelewatan penyediaan rumah oleh pihak swasta ini tidak boleh dibiarkan berlarutan. Kelewatan dan kegagalan pihak swasta boleh merumitkan usaha murni kerajaan dalam hal ini. Saya berpendapat soal penubuhan Lembaga Perumahan Negara sudah tidak boleh dilengah-lengahkan lagi. Sudah tiga tahun kita mendengar mengenai Lembaga Perumahan Negara tetapi sehingga kini kita masih belum nampak penubuhannya.

Pada saya, Lembaga Perumahan Negara perlu diwujudkan segera bagi bersama-sama menjadi sebuah badan yang memaju dan melaksanakan projek perumahan awam. Soal penyediaan rumah tidak boleh diserah bulat-bulat kepada pemaju swasta. Mereka tetap akan dipengaruhi malah dikuasai oleh elemen untung dan rugi. Jika dilihat dari pengalaman sepuluh tahun yang lalu, pemaju swasta sering tidak dapat mencapai jumlah sasaran yang diharapkan. Banyak projek perumahan khususnya kos rendah yang telah terbengkalai. Ini adalah berpunca dari sikap mereka yang sengaja tidak mahu membuat perumahan kos rendah dan sederhana kerana perumahan jenis ini kurang memberi keuntungan berbanding perumahan kos tinggi ataupun mewah.

Di setengah-setengah tempat, perumahan kos rendah ini diletakkan pada fasa yang terakhir dalam satu-satu projek perumahan. Apabila fasa awal yang melibatkan perumahan kos tinggi atau mewah tersebut siap, pemaju lantas meninggalkan fasa yang terakhir iaitu perumahan kos rendah terbengkalai begitu sahaja. Sikap pemaju yang hanya mahu mengaut keuntungan besar sahaja inilah yang menyebabkan kerajaan terpaksa berhadapan dengan kerumitan masalah penyediaan rumah yang mencukupi untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam hal ini, kita harus menjadikan Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura (Singapore Housing Development Board) sebagai contoh ikutan dalam usaha mereka untuk memenuhi permintaan rumah dari rakyat mereka di negara tersebut. Saya yakin dan penuh percaya, kerajaan tentu sedia menyedari bahawa penyediaan perumahan yang sempurna dan selesa sebagai satu kemudahan asas merupakan satu amanah sosio-ekonomi kerajaan kepada rakyat.

Oleh yang demikian, kerajaan sendirilah mesti memainkan peranan perlaksanaan ini. Dengan penubuhan Lembaga Perumahan Negara itu kelak, kerajaan diharap akan mampu untuk membuat rumah bagi dijual ataupun disewa.

Selain dari itu, skim perumahan secara sewa beli perlu juga diperkenalkan secara besar-besaran. Hanya tindakan kerajaan melalui Lembaga Perumahan Negara sahaja yang mampu melaksanakan skim perumahan secara sewa beli ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal perumahan ini, di Bandaraya Johor Bahru sehingga ke hari ini terdapat 80,000 penduduk yang telah mendaftar untuk mendapatkan rumah kos rendah kerajaan dan sehingga kini belum ada jaminan bilakah ianya boleh disempurnakan. Masalah yang berlaku di Johor Bahru ialah kecenderungan pihak pemaju membina rumah kos tinggi atau mewah semata-mata untuk memenuhi keperluan dan kemampuan warga asing khususnya rakyat Singapura. Kerajaan tentunya menyedari lagi menginsafi bahawa sesudah kita menggalakkan khususnya orang-orang Melayu untuk terus hadir dan menjadi penghuni bandar, kehadiran mereka haruslah diperkukuhkan lagi dengan membantu mereka mengekal dan menambahkan pegangan harta mereka di dalam bandar.

Dalam konteks Bandaraya Johor Bahru, strategi untuk menambahkan pegangan harta Melayu amatlah perlu dan mendesak sekali bagi memastikan penerusan kelangsungan kehadiran mereka di bandar raya ini di samping kemampuan mereka untuk berhadapan dengan kesan yang dibawa bersama oleh kepesatan kemajuan yang dialami. Dan ini amat menuntut tanggungjawab sosio-ekonomi kerajaan dilaksanakan. Tentulah rakyat akan merasa kekurangan sekiranya dalam keadaan negara Malaysia mencatat rekod pembangunan dan kemajuan yang begitu pesat, pelaksanaan tanggungjawab sosio-ekonomi kerajaan tidak pula dilaksanakan sama pesatnya seiring dengan kepesatan kemajuan dan pembangunan yang dicapai.

Kita di Bandaraya Johor Bahru juga berharap agar keperluan sosio-ekonomi rakyat dikembalikan sebagai satu aspek yang ketara di dalam pendekatan pembangunan kerajaan. Keperluan ini sesungguhnya sudah pun ditegaskan oleh kerajaan melalui konsep masyarakat penyayang tetapi pelaksanaan dan pencapaiannya perlu dipertingkatkan lagi. Kita yakin dan penuh percaya jika sekiranya kerajaan dapat menambahkan lagi penekanan kepada pelaksanaan aspek tanggungjawab sosio-ekonominya kepada rakyat, rakyat tentunya akan lebih menghargai pembangunan pesat yang sedang dialami dalam negara kita pada masa kini.

Sehubungan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosio-ekonomi kerajaan ini, saya berharap kerajaan dapat menimbangkan cadangan agar pembangunan semula tapak Kem Majidee sebagai sebuah perkampungan Melayu yang moden di dalam bandar raya Johor Bharu. Pembangunan semua tapak Kem Majidee dengan sebahagian besar perumahan kos rendah akan memenuhi dua keperluan. Pertama, pemilikan rumah kos rendah oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan kedua ialah penyediaan rumah secara kos rendah bagi mereka yang tidak mampu untuk membeli. Memenuhi kedua-dua keperluan ini adalah penting kerana ia akan mencapai serentak matlamat kehadiran orang Melayu di bandar dan penambahan pemilikan harta bandar oleh orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan kepada soal pembelian dan pemilikan rumah oleh rakyat asing, kita menerima hakikat dan tidak menafikan bahawa pembelian rumah oleh rakyat asing sebagai satu usaha untuk menarik wang asing ke dalam negara. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk menarik pelaburan tersebut, ia memerlukan kepada strategi untuk mengimbangi keperluan rakyat tempatan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa sekiranya rakyat asing ingin membeli rumah, mereka hanya dibolehkan membeli rumah dari jenis kos yang tinggi atau mewah yang berharga lebih daripada setengah juta ringgit. Ini bertujuan untuk mengelakkan persaingan dengan rakyat tempatan. Selain dari itu,

kerajaan juga harus menetapkan bahawa dalam tiap-tiap satu projek perumahan, rakyat asing hanya dibenarkan membeli tidak lebih daripada 5% sahaja dan hanya untuk tujuan kegunaan mereka sendiri. Sekiranya mereka menyewakannya kerajaan mestilah mempunyai rekod tentang sewaan yang dikutip bagi tujuan pengenaan cukai.

Hari ini saya ingin tahu daripada Kementerian Kewangan berapa banyakkah jumlah kutipan cukai daripada sewaan yang diterima dari rakyat asing. Kerajaan juga wajar menetapkan dasar bahawa semua rumah yang dibeli oleh rakyat asing tidak boleh diberikan taraf hakmilik kekal, sebaliknya hanya untuk tempoh pajakan tertentu yang difikirkan munasabah. Saya berpendapat, sekiranya kerajaan bersetuju dengan cadangan ini, perkara ini perlu ditegaskan kepada kerajaan negeri agar wujud keseragaman tindakan bagi menangani permasalahan ini.

Selain dari itu, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menyemak semula kepada skim pinjaman yang diperuntukkan kepada kakitangan awam yang ingin membeli rumah di mana harga rumah adalah lebih tinggi daripada jumlah pinjaman yang diperuntukkan. Saya mengemukakan perkara ini kerana di Johor Bahru misalnya, jumlah pinjaman untuk kakitangan kerajaan tidak cukup untuk membeli rumah kerana harga rumah di Johor Bahru memang mahal. Dan saya juga menyambut baik dan mengalu-alukan saranan Kementerian Kewangan agar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memberikan kelonggaran kepada pencarum-pencarum untuk tujuan pembelian rumah, khususnya, rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah berjaya membawa pembangunan yang begitu pesat di samping keprihatinan kerajaan untuk mengawal inflasi yang kita sedia maklum, jika tidak dikawal, kesannya menafikan nikmat pertumbuhan ekonomi tersebut, khususnya kepada rakyat jelata. Kita percaya dan menyedari bahawa telah banyak usaha-usaha serta tindakan yang telah diambil oleh kerajaan yang telah menghasilkan kejayaan dalam mengawal peningkatan kos hidup di kalangan rakyat jelata.

Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk mewujudkan kedai-kedai harga patut dan kempen anti-inflasi di seluruh negara yang bertujuan untuk mengawal harga barangan keperluan harian serta memberikan pendidikan kepenggunaan kepada rakyat supaya rakyat dapat berbelanja secara berhemat. Dalam soal tekanan kos hidup, rakyat akan lebih merasakan beban sekiranya yang tidak dapat dikawal adalah peningkatan kos bahan makanan.

Kita semua menyedari bahawa tiga faktor utama yang meningkatkan kos bahan makanan. Pertama, kekurangan bekalan; kedua, pemasaran yang kurang baik; dan yang ketiga, kadar sewaan yang terlalu tinggi. Dari itu, satu cara untuk mengawal harga ialah dengan melambakkan bahan makanan di pasaran. Di negara kita, bandar raya yang menghadapi kos hidup yang paling tinggi ialah di Johor Bahru. Banyak cadangan yang telah diberi untuk menghadapi masalah kos hidup yang tinggi di Johor Bahru. Baru-baru ini ada yang mencadangkan supaya dilambakkan pasaran di Johor Bahru dengan bahan-bahan makanan. Tetapi timbul persoalan, dari manakah kita mahu mendapatkan sumber bahan makanan yang banyak untuk dilambakkan di pasaran kita? Mahu tidak mahu, pada perkiraan saya, kita terpaksa mengimport dari negara luar.

Dalam konteks dunia yang semakin global ini, penyisihan industri makanan kita dari industri makanan dunia merupakan satu tindakan yang boleh mengancam keselamatan negara kita sendiri. Kita tidak lagi boleh berharap untuk mengeluarkan semua jenis bahan makanan keperluan kita secara bersendiri. Matlamat kita ialah untuk menyediakan bekalan bahan makanan yang bermutu dengan harga yang murah untuk rakyat. Untuk memenuhi tujuan ini saya mencadangkan agar dibenarkan kemasukan semua jenis bahan makanan tanpa cukai dan tanpa sekatan.

Tindakan kerajaan membenarkan import daging ayam untuk masa-masa tertentu adalah satu langkah yang selaras dengan cadangan di atas tetapi sudah sampai masanya supaya ia dilaksanakan untuk sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan dari itu, kerajaan melalui agensi-agensi seperti FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan dan juga Persatuan Nelayan dan yang lain-lainnya haruslah memainkan peranan yang lebih agresif untuk menjual dan mengedar bahan-bahan makanan secara besar-besaran agar ianya boleh secara tidak langsung menjadi mekanisme untuk mengawal peningkatan harga bahan makanan. Agensi-agensi tersebut seharusnya bukan sahaja berperanan untuk mengedar bahan makanan keluaran tempatan tetapi juga bahan makanan yang diimport dari luar negara. Kerajaan juga harus membantu agensi-agensi tersebut mengedar dan memasarkan bahan-bahan makanan yang diimport itu agar ianya dapat dipasarkan secara meluas ke seluruh negara. Dengan pasaran yang meluas ini, akan dapat . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: . . . . . menstabilkan harga bahan-bahan makanan di pasaran, seterusnya mengurangkan bebanan yang terpaksa dipikul oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kepimpinan negara kita telah berjaya meningkatkan imej Malaysia di arena antarabangsa. Malaysia hari ini dikatakan salah sebuah negara kecil yang hebat membangun dari segala aspek. Banyak negara yang kini berminat untuk menjadikan pendekatan yang kita gunakan untuk membangunkan negara sebagai model untuk digunakan di negara mereka.

Suara kita yang lantang menegaskan pendirian kita tanpa terikat kepada mana-mana pengaruh di dalam setiap persidangan antarabangsa kini mula mendapat perhatian dan penghormatan oleh kuasa-kuasa besar dunia. Walaupun ada di kalangan rakyat kita sendiri yang cuba memburuk-burukkan nama negara kepada media asing, namun yang hak tetap akan mengatasi yang batil.

Kejayaan kita bukan hanya omong-omong kosong, semua yang kita dapat lihat hari ini adalah bukti kejayaan kita selama ini. Namun begitu, adakah kehebatan negara kita ini diiringi pula dengan kelahiran sebuah masyarakat yang hebat, yang mengamalkan nilai-nilai yang murni yang mempunyai semangat tolong-menolong, penyayang, di samping kreatif dan juga produktif. Kita seharusnya sedar akan musibah yang akan menimpa kita sekiranya kehebatan negara kita tidak diiringi dengan kehebatan masyarakat kita.

Tidak ada ertinya sekiranya negara yang hebat itu dihuni oleh masyarakat yang bobrok akhlak dan nilai-nilai rohaninya. Dalam hal ini saya menyokong

usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni yang baik sebagai amalan dan budaya masyarakat. Saya percaya, matlamat untuk melahirkan sebuah negara Malaysia yang maju dengan masyarakatnya yang mengamalkan nilai-nilai murni inilah yang menjadi impian terpendam di dalam hati kedua-dua pemimpin tertinggi kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1995.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjung Aru.

5.59 ptg.

Tuan Joseph Vun Shin Choi (Tanjung Aru): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas Belanjawan 1995 yang merupakan belanjawan pro-rakyat. Belanjawan1995, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, bukan sahaja mencerminkan satu pengurusan kewangan yang wajar dan bijak, malahan ianya adalah mengambil kira belanjawan negara tahun depan yang merangkumi aspek-aspek pembangunan ekonomi, sosial dan geopolitik ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini, negeri Sabah telah mengalami tahap pembangunan ekonomi yang kurang memuaskan. Ini dapat dicerminkan melalui pertumbuhan Kadar Dalam Negeri Kasar (KDNK) yakni kurang dari 4% berbanding dengan 8% kadar pertumbuhan ekonomi negara keseluruhannya. Banyak faktor-faktor yang mengakibatkan keadaan ini berlaku. Salah satu daripadanya adalah masalah struktur yang timbul hasil daripada kekurangan sumber-sumber semula jadi atau natural resources, dengan izin terutama sekali kayu balak. Semenjak kemerdekaan, sumber pendapatan utama negeri Sabah adalah dari hasil jualan kayu balak. Walau bagaimanapun, kegiatan penebangan balak yang berterusan dan kurang terkawal telah mengakibatkan kawasan konsesi balak semakin kecil akibatnya pendapatan negeri juga turut merosot. Selain dari masalah-masalah sumber semula jadi, kemudahan-kemudahan infrastruktur, sosio dan fiskal juga merupakan faktor yang menampakkan pertumbuhan ekonomi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kedatangan Kerajaan Barisan Nasional ke negeri Sabah pada awal tahun ini bolehlah diumpamakan sebagai cahaya harapan — the rays of hope, dengan izin, yang mampu menyinari masa hadapan rakyat dan negeri Sabah. Dengan pulihnya hubungan di antara Sabah dan Kuala Lumpur, rakyat Sabah juga berharap agar pembangunan sosio dan ekonomi di negeri Sabah dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa negeri Sabah adalah salah sebuah negeri yang termundur berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kadar kemiskinan di luar bandar Sabah masih berada di tahap yang paling tinggi ialah 33.4%. Tiga daripada setiap 10 isi rumah hidup di bawah garis kemiskinan, ini adalah satu keadaan yang membimbangkan.

Konsep masyarakat penyayang (caring society) yang didokong dan hendak dicapai oleh Kerajaan Malaysia melalui Wawasan 2020 membawa pengertian yang cukup besar. Konsep ini meliputi

berbagai aspek termasuklah hal ehwal dan kebajikan rakyat Malaysia terutama sekali golongan termiskin. Berdasarkan pada sokongan dan cita-cita murni ini, saya berharap agar kerajaan dapat bertindak segera dengan wajar dalam usaha membela nasib rakyat termiskin khususnya yang tinggal di negeri Sabah. Semoga usaha-usaha yang akan dicurahkan kelak akan dapat mengatasi masalah rakyat seterusnya menjadi satu kejayaan dalam usaha mencapai cabaran Wawasan 2020.

Justeru itu, langkah Kerajaan Pusat memperuntukkan sejumlah RM1.3 bilion kepada Kerajaan Negeri Sabah pada tahun ini mencerminkan kejujuran dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu memajukan ekonomi negeri Sabah. Sekurang-kurangnya dengan peruntukan sebesar ini, Kerajaan Negeri Sabah kini dapat mengadakan lebih banyak aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi seperti pembinaan, pembaikan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Ini akan membawa lebih banyak manfaat khususnya kepada rakyat Sabah dan kepada Kerajaan Negeri pada amnya. Ini merupakan satu petanda baik dan diharapkan lebih banyak peruntukan ekonomi dan sosial seumpama ini akan diberikan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tentang Sungai Putatan di kawasan saya. Biasanya pada musim hujan, Sungai Putatan mengalami banjir yang membinasakan harta-benda, nyawa manusia dan binatang. Pada Pilihanraya Umum Negeri bulan Februari tahun ini, pihak Barisan Nasional telah membuat satu komitmen sebagai janji pilihan raya bahawa satu peruntukan telah disediakan untuk membuat pembetulan dan pembesaran aliran sungai itu supaya masalah banjir dapat diatasi. Saya memohon supaya kerajaan memberi peruntukan untuk maksud itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga pengajar merupakan masalah negara. Walau bagaimanapun, masalah ini lebih merujuk di negeri Sabah. Keadaan ini diperburukkan lagi dengan berlakunya pertukaran guru-guru dari satu sekolah ke sekolah yang lain dengan kekerapan yang agak tinggi sehingga mengakibatkan gangguan dalam proses pelajaran murid-murid sekolah. Usaha Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pendidikan dalam membantu mengurangkan masalah kekurangan tenaga pengajar di negeri Sabah adalah amat dihargai.

Namun demikian, proses pelaksanaan dan pemilihan guru-guru yang akan dihantar ke negeri Sabah perlu dikaji semula. Apa yang berlaku selama ini ialah guru-guru yang datang berkhidmat ke negeri Sabah rata-rata dari golongan tenaga pengajar yang baru tamat pengajian dan masih kurang pengalaman mengajar. Negeri Sabah seolah-olah menjadi tempat latihan dan tempat untuk mendapatkan pendedahan awal kerana selepas beberapa tahun mengajar di Sabah, mereka ini akan ditarik balik untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di Semenanjung. Fenomena seumpama ini perlu diambil perhatian dan dikaji semula kerana murid-murid sekolah di Sabah amat memerlukan tenaga pengajar yang berkemampuan dan berpengalaman.

Berhubung dengan masalah kekurangan tenaga pengajar, saya ingin membuat cadangan agar guru-guru yang telah bersara — retired teacher, dengan izin, dapat diambil semula untuk berkhidmat. Mereka bukan sahaja mahir tetapi berpengalaman dalam profesion ini. Walau bagaimanapun, proses pengambilan semula golongan pengajar ini memakan masa yang terlalu panjang disebabkan oleh masalah red-tapes, dengan izin.

Di sini, saya ingin mengusulkan agar pihak Kementerian Pendidikan memberikan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk mengendalikan proses

pengambilan guru-guru yang telah bersara demi mempercepatkan proses pengambilan bagi menampung kekurangan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa kelayakan untuk mengajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga merupakan satu masalah. Menurut kriteria sekarang, para guru hendaklah mendapat kredit dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sebelum diterima untuk berkhidmat di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Walau bagaimanapun, ramai bakal guru Cina di Sabah mendapati bahawa kriteria ini adalah terlalu tinggi dan sukar untuk dipenuhi. Saya mencadangkan kelayakan ini dapat dikaji semula dengan mengambil kira Gred 7 dan 8 sebagai kriteria kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, di kebelakangan ini, budaya lepak dan bohsia adalah satu fenomena yang sungguh merunsingkan. Kegiatan seperti ini mungkin memberi satu petanda kepada pihak kerajaan dan pihak ibu bapa bahawa sambil kita mahu memajukan negara menuju ke tahap newly industrialised economy, dengan izin, pembentukan nilai-nilai moral di kalangan remaja dan anak-anak kita kurang diberikan perhatian. Saya percaya, salah satu pendekatan yang boleh diambil untuk mengatasi fenomena ini adalah melalui pendidikan agama. Justeru itu, saya ingin merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan pengajaran ilmu agama di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Sistem Saraan Baru atau SSB, saya mendapat tahu bahawa dalam pelaksanaan, unsur-unsur favouritism dan nepotism, dengan izin, telah melambatkan sistem penilaian tersebut. Ramai pekerja mengadu tentang wujudnya elemen-elemen peribadi yang tidak ada kaitannya dengan prestasi kerja dijadikan asas penilaian pekerja.

Pendirian yang berdasarkan budi bicara dan pertimbangan satu atau dua orang dalam satu Jabatan haruslah dikaji semula. Formula penilaian berdasarkan penilaian secara berkumpulan atau melalui Jawatankuasa Khas yang mewakili kesemua pihak yang terlibat adalah lebih baik demi mengurangkan rasa tidak puas hati di kalangan para pekerja di sektor awam.

Berkaitan dengan isu ini, cara yang diamalkan dalam penukaran dan perlantikan pegawai-pegawai kanan kerajaan di negeri Sabah di kebelakangan ini adalah satu perkembangan yang mempersoalkan keberkesanan SSB. Ramai pegawai kanan yang berkebolehan dan berpengalaman telah menjadi sasaran politik.

Di sini saya menyokong penuh hasrat kerajaan untuk mengkaji semula SSB ini, sebab jika dibiarkan fenomena "Sayang-sayang Bos" atau permainan politik akan mengurangkan minat para kakitangan kerajaan untuk berkhidmat dengan lebih gigih dan seterusnya menjejaskan prestasi perkhidmatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengutarakan satu lagi masalah yang dialami oleh rakyat negeri Sabah, iaitu masalah sosio-ekonomi yang diakibatkan oleh kehadiran pendatang tanpa izin. Masalah pendatang tanpa izin telah pun menjadi masalah utama negeri Sabah sejak beberapa tahun yang lalu. Ia telah pun menjadi masalah sosial yang semakin sukar untuk dikawal. Contohnya baru-baru ini, seorang anggota polis telah ditembak mati oleh seorang perompak rakyat asing di Kota Kinabalu. Banyak lagi kegiatan yang tidak diingini seperti pemalsuan kad pengenalan, wang palsu, kes pecah rumah, rogol, rompakan, pembunuhan dan sebagainya yang melibatkan pendatang tanpa izin.

Jika kita berada di pantai timur Sabah seperti di Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau, dua daripada tiga orang yang kita temui adalah pendatang tanpa izin. Keadaan seperti ini amat menakutkan rakyat tempatan. Seandainya keadaan ini tidak dikawal, segala usaha membangunkan ekonomi Sabah tidak akan membawa sebarang erti apabila penduduk Sabah sentiasa merasa tertekan dan hidup dalam keadaan ketakutan.

Dengan Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini, saya berharap agar satu rancangan yang konkrit dan sistematik dapat dilaksanakan demi mengatasi masalah sosio ekonomi yang diakibatkan oleh pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bagan.

6.16 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pemberian peluang kepada saya untuk membahas Belanjawan tahun 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang awam telah menceritakan Belanjawan tahun hadapan adalah baik dan menggalakkan. Saya telah berbual-bual dengan orang-orang awam, khasnya pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga kecil. Mereka berkata Budget ini tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka oleh kerana sebab-sebab yang berasingan.

Pekerja-pekerja berkata, selama ini gaji mereka dalam lingkungan RM1,000 sebulan dan tidak perlu membayar cukai pendapatan. Pelepasan cukai pendapatan bukan dihadkan kepada lima orang anak juga tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka kerana kebanyakan keluarga sekarang hanya ada dua hingga tiga orang anak sahaja dan tidak mampu lagi membiayai lebih dari bilangan itu. Keluarga sekarang juga tidak membeli makanan-makanan dalam tin melainkan susu dan susu tepung yang ditinkan atau dibuat di Malaysia.

Mereka hanya berharap supaya keperluan-keperluan asas seperti pakaian, makanan, sewa rumah, perbelanjaan harian jangan naik, sudahlah. Seorang pekedai tayar juga mengadu bahawa beliau menghadapi masalah menerangkan kepada pelanggan beliau mengenai harga tayar. Kerajaan telah mengumumkan penghapusan excise duty ke atas tayar yang diimport. Excise duty bagi sebuah tayar motokar hanya RM1.20 sen sahaja, tetapi pelanggan berharap harga tayar import seimbang dengan harga tayar buatan negeri.

Seorang pekedai alat-alat dan bahan-bahan sembahyang tokong juga menghadapi masalah selepas pengumuman perbelanjaan ini.

Mengikut pengumuman perbelanjaan, joss stick, joss paper dan alat-alat sembahyang dutinya dihapuskan. Pelanggan marah apabila barang-barang ini tidak turun harga. Mengikut pengumuman persatuan peniaga ini baru-baru ini, joss stick, joss paper dan lilin untuk sembahyang tidak dihapuskan dutinya. Saya minta satu penjelasan dari Menteri yang berkenaan sama ada duti import ke atas alat-alat dan bahan-bahan sembahyang tokong adakah dihapuskan? Jikalau tidak dihapuskan, mengapa?

Tuan Yang di-Pertua, seimbang dengan kemajuan negara disiplin pasukan penguatkuasa juga perlu ditingkatkan khasnya Pasukan Polis Diraja Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak salah guna kuasa oleh segelintir anggota polis adalah meningkat. Saya ambil contoh dan harap Menteri yang berkenaan boleh menjawab perkara ini.

Contoh yang pertama, kes laporan polis Sungai Bakap, Nibong Tebal 608/94 pada 7hb. Julai, 1994 di mana seorang pemuda iaitu Chong Teik Boon telah ditumbuk oleh anggota polis semasa mereka ditangkap bersabit dengan kes judi.

Contoh yang kedua, kes laporan polis Sungai Bakap, Nibong Tebal juga – 792/94 di mana seorang perempuan Teoh Cheng Choo, berumur 35 tahun telah disekat oleh sebuah kereta ronda polis dan dipeluk oleh seorang anggota polis pada siang pagi Sabtu. Perkara ini telah dilapor dan sehingga sekarang belum ada apa-apa keputusan.

Yang ketiga, kes laporan polis Butterworth, 3305–3314/94 bertarikh 23hb. Mei, 1994 di mana ada seorang atau dua orang anggota polis menimbulkan kekacauan di acara sembahyang tokong Hindu Sri Mahamariama, Butterworth.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga sering kali mendengar kes-kes pengaduan seperti di atas di banyak tempat lagi. Jikalau orang yang bersabit tidak dihukum, ia akan timbul ketidaksenangan di kalangan hati orang ramai dan juga akan menjejas nama baik Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam baru-baru ini telah meluluskan lesen mini bus di Pulau Pinang dan Seberang Prai. Bas mini ini telah menghadapi bantahan dari persatuan teksi-teksi dan juga bas-bas tempatan. Mereka bimbang rezeki mereka akan terjejas apabila bas mini ini beroperasi. Dalam perkara ini, bolehkah Menteri berkenaan memberi penjelasan berkenaan bas mini dan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada dibincang bersama?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya boleh menyiasat laporan bahawa makanan laut seperti ikan, sotong, udang dan juga longan mengandungi bahan kimia formaldehyde. Izinkan saya spell perkataan ini iaitu F.O.R.M.A.L.D.E.H.Y.D.E. – formaldehyde. Bahan kimia ini kononnya boleh menyebabkan sakit barah (cancer).

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kerajaan hendak memberi perkhidmatan yang berkesan dan cemerlang kepada rakyat. Sebab itulah kerajaan melancarkan Piagam Pelanggan. Seorang rakyat kena menunggu selama bertahun-tahun untuk mendapat satu permohonan diluluskan adalah biasa. Saya ambil contoh, sekarang ramai rakyat kena membaharui kad pengenalan mereka. Untuk mendapat kad pengenalan baru, pemohon perlu menyediakan dokumen yang lengkap. Ramai rakyat menghadapi masalah ejaan salah di antara Sijil Beranak dengan kad pengenalan lama ataupun Sijil Warganegara. Mereka kena membetulkan salah satu dahulu.

Apabila mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara, mereka perlu menunggu sehingga lima hingga enam tahun. Dalam tangan saya ada beberapa kes mengenai hal ini. Saya sedang menguruskannya dengan Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan tidak mahu membawa butir-butir berkenaan dengan kes ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Jikalau saya gagal, saya akan bawa ke perhatian Dewan. Tujuan saya mengemukakan masalah-masalah ini ialah supaya menarik perhatian Menteri berkenaan supaya proses memohon dokumen-dokumen boleh dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin salah satu langkah yang boleh menolong rakyat ataupun Wakil Rakyat dalam menyelesaikan masalah seperti ini ialah menubuhkan satu counter service khas di Bangunan Parlimen pada musim Persidangan Parlimen. Ini adalah kerana walaupun seorang Wakil Rakyat pergi ke Pejabat Pendaftaran atau mana-mana satu pejabat kerajaan untuk menyoal kedudukan berkenaan dengan permohonan tertentu, pegawai itu mungkin akan menjawab, "Permohonan sedang dalam proses", dan apa lagi Wakil Rakyat boleh buat melainkan untuk menunggu lagi beberapa bulan.

Dengan penubuhan counter-counter service di Bangunan Parlimen pada musim Persidangan Parlimen, pegawai-pegawai kanan di jabatan-jabatan masing-masing boleh membantu Wakil Rakyat

menyelesaikan masalah-masalah dan saya pasti Wakil Rakyat tidak perlu membawa rungutan-rungutan itu ke dalam Parlimen ini dan demi menjimatkan masa Parlimen. Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Telok Intan.

(Pembesar suara tidak berfungsi)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, boleh pakai mikrofon yang di sebelah.

6.26 ptg.

Tuan Ong Tin Kim (Telok Intan): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Ucapan Belanjawan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pandangan telah disuarakan oleh hampir semua lapisan rakyat. Ada yang mengatakan Belanjawan ini, "The best ever had". Ada yang mengatakan, "Belanjawan ini adalah Belanjawan Rakyat — People's Budget". Bagi diri saya, Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang sangat berani iaitu "A Bold Budget", dengan izin. Satu Belanjawan yang mempunyai objektif yang tegas dan juga sasaran yang tepat. Saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan yang berani kerana Belanjawan ini telah membuat perubahan sangat "major" kepada struktur cukai negara kita. Selain daripada insentif-insentif pengecualian cukai untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan, Belanjawan ini juga mencadangkan memberi pengecualian cukai atas semua belanjawan untuk penyelidikan dan latihan tenaga manusia.

Penghapusan duti import atas jentera-jentera dan juga pengurangan cukai ataupun import duty dan pengurangan cukai bagi korporat-koporat dan individu-individu. Juga saya katakan Belanjawan ini adalah satu Bold Budget, kerana ia telah mencadangkan pengecualian cukai dan menghapuskan cukai dan duti import atas lebih 2,600 barang-barang (items) yang ada duti-duti import tetapi tidak ada kenaikan walaupun satu jenis cukai ataupun import duty.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat diminta sambung esok.

Tuan Ong Tin Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.